

MODUL INTERVENSI SEJARAH 1249/3 SPM 2019



Tema Umum:
Pembinaan Negara dan Bangsa Ke arah
Kemunculan Negara Malaysia Berdaulat

Pembinaan negara dan bangsa amat penting bagi sebuah negara yang berbilang kaum dan agama seperti Malaysia. Kejayaan pembinaan negara dan bangsa Malaysia memerlukan semangat patriotisme yang tinggi dan penyertaan menyeluruh daripada setiap anggota masyarakat supaya proses pembinaan negara menjadi lebih kukuh.

PANEL PENULIS:
JURULATIH UTAMA DAERAH (JUD) SEJARAH &
GURU SEJARAH DAERAH GOMBAK, SELANGOR

SENARAI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MS
	PENGENALAN	
1	Jelaskan latar belakang pembinaan negara dan bangsa masyarakat Melayu tradisional.	4
2	Jelaskan latar belakang Sistem Ahli.	4
3	Jelaskan konsep pakatan murni.	4
4	Jelaskan cadangan pembentukan Malaysia.	4
	KONSTRUK MEMAHAMI	
5	Pelaksanaan Sistem Ahli menyediakan asas yang kukuh kepada pembinaan perpaduan kaum sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Jelaskan ciri ciri Sistem Ahli.	5
6	Bagaimanakah proses Pakatan Murni di Tanah Melayu dijalankan. Jelaskan.	6
7	Huraikan kejayaan Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur dan Majlis Perundungan Persekutuan (MPP) sehingga sebelum mencapai kemerdekaan.	7
8	Huraikan kejayaan yang telah dicapai melalui pakatan murni sehingga mencapai kemerdekaan negara.	7
9	Bincangkan usaha Parti Perikatan untuk mencapai kemerdekaan negara.	7
10	Jelaskan peranan Suruhanjaya Reid.	8
11	Isi-isi penting Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.	8
12	Pembentukan Malaysia merupakan satu tindakan yang rasional. Jelaskan faktor-faktor / sebab-sebab pembentukan Malaysia.	9
13	Jelaskan reaksi terhadap pembentukan Malaysia.	10
14	Huraikan langkah-langkah pembentukan Malaysia.	13
	KONSTRUK MENGANALISIS / MENILAI / MENGAPLIKASI / MENJANA IDEA	
15	Perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dapat memelihara kedaulatan negara dan bangsa Malaysia pada masa hadapan. Buktikan.	14
16	Perpaduan antara kaum perlu dihayati dan diamalkan oleh setiap anggota masyarakat untuk memperkuuh negara dan bangsa Malaysia yang berdaulat. Huraikan pernyataan tersebut.	14
17	Sebagai bangsa Malaysia yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi, apakah peranan kita untuk memperkuuh perpaduan di Malaysia?	15
18	Pengisian dan pengekalan kemerdekaan merupakan tanggungjawab generasi kini. Bincangkan.	15
19	Perpaduan utuh rakyat Malaysia membolehkan Malaysia menghadapi pelbagai rintangan daripada pihak luar. Buktikan.	16
	PENCAPAIAN / KEJAYAAN / KECEMERLANGAN	
20	Kecemerlangan hasil daripada kerjasama dan tolak ansur politik antara kaum. Bincangkan.	16
21	Kecemerlangan negara hasil daripada kerjasama dan perpaduan kaum dari segi sosial. Bincangkan.	17
22	Jelaskan kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia dalam mengekalkan perpaduan kaum sejak kemerdekaan sehingga kini.	17
23	Kecemerlangan negara yang telah memajukan Malaysia di mata dunia. Bincangkan dari sudut ekonomi.	18
24	Berdasarkan pengetahuan anda, jelaskan kejayaan Malaysia di peringkat global hasil pembinaan negara dan bangsa yang stabil.	18
	CABARAN / LANGKAH	
25	Jelaskan cabaran yang dihadapi oleh negara untuk mengekalkan keamanan dan kemakmuran dalam masyarakat majmuk di Malaysia.	18
26	Apakah cabaran masa kini dalam mempertahankan pembinaan bangsa Malaysia yang utuh?	18
27	Apakah cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan keamanan dan keharmonian negara hari ini? Berikan penjelasan anda.	18

PLC SEJARAH PPD GOMBAK - MODUL INTERVENSI SEJARAH 1249/3 SPM 2019

28	Cabaran / Masalah / Halangan/ Rintangan mengekalkan perpaduan / keamanan dan kemakmuran / kedaulatan negara Malaysia.	19
29	Pemberian kerakyatan yang diberikan kepada warga asing merupakan satu cabaran kepada negara. Berikan penjelasan anda.	20
30	Apakah cabaran dan langkah dalam memupuk semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia.	21
31	Jelaskan langkah-langkah untuk mengekalkan perpaduan kaum.	21
32	Jelaskan usaha-usaha untuk memperkuatkkan pepaduan kaum demi kemakmuran negara Malaysia.	21
33	Langkah-Langkah mengatasi masalah perpaduan kaum di negara kita bagi memastikan kemajuan dan kemakmuran negara Malaysia.	22
IKTIBAR / NILAI PATRIOTISME		
34	Iktibar berdasarkan tajuk kajian - perpaduan.	24
35	Iktibar mengukuhkan perpaduan.	25
36	Iktibar memelihara kedaulatan negara/keselamatan negara.	25
37	Iktibar meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia.	25
RUMUSAN / KESIMPULAN		
38	Buat rumusan tentang pelaksanaan pakatan murni.	26
39	Rumuskan tentang pentingnya perpaduan dalam aspek pengetahuan yang diperoleh, nilai patriotisme kepada diri, bangsa dan negara serta harapan untuk masa depan Malaysia yang gemilang.	26
40	Buat rumusan tentang pembentukan Malaysia.	26-27

**PROGRAM PLC SEJARAH
BENGKEL BINA MODUL INTERVENSI KERTAS 3 SEJARAH SPM
BERSAMA-SAMA JUD SEJARAH DAERAH GOMBAK 2019**

PENASIHAT:

PN. RAMLAH BINTI RAMLE
PENOLONG PPD BAHASA INGGERIS (MENENGAH)
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH GOMBAK

JURULATIH UTAMA DAN GURU SUMBER SEJARAH DAERAH GOMBAK:

1	PN. YUSNIZAN BINTI YUNAN	JUD	SMK LEMBAH KERAMAT
2	EN. MOHD YUSWIRA BIN MD YUSOFF	JUD	SMK TUANKU ABDUL RAHMAN
3	PN. MAJIDAH BINTI OMAR	JUD	SMK HULU KELANG
4	PN. ZALINAH BINTI ABDUL AZIZ	JUD	SMK BANDAR TASIK PUTERI
5	PN. ROSIDA BINTI MOHAMED ZAIN	JUD	SMK SERI KUNDANG
6	PN. ROSMANI BINTI MAT YAACOB	JUD	SMK SUNGAI PUSU
7	EN. NOOR SABRI BIN MOHD NOR	JUD	SMK BANDAR BARU SUNGAI BULOH
8	PN. SHARIFAH MAIZATUL ASNO BINTI TUAN KECHIK	JUD	SMK TAMAN MELAWATI
9	PN. ZURINA BINTI SHAIR	JUD	SMK RAWANG

GURU SEJARAH DAERAH GOMBAK:

1	PN. JAMALIAH BINTI ABIDIN	SMK SELAYANG BHARU
2	EN. MOHAMAD KHAIRUL HISAM BIN MAT HUSSIN	SMK DARUL EHSAN
3	PN. SAKINAH BINTI TALIB	SMK SUNGAI KERTAS
4	PN. RAHIMAH BINTI MOHD KHALID	SMK BUKIT GADING
5	PN. SURYATI BINTI SATIMAN	SMK TAMAN EHSAN
6	EN. M. RAVI A/L S. MUNUSAMY	SMK RAWANG
7	EN. HILMI FAIZ BIN MUSTAFA KAMAL	SMK HILLCREST
8	PN. NORMALAH BINTI DERAMAN	SMK BANDAR BARU SUNGAI BULOH

PENGENALAN (5 markah)

Jelaskan latar belakang pembinaan negara dan bangsa masyarakat Melayu tradisional.

BAB 3: ms 63

Sistem politik masyarakat Melayu tradisional berbeza dengan sistem politik negara moden pada hari ini. Dalam masyarakat Melayu tradisional telah muncul kerajan dan kemunculannya disebabkan adanya raja. Kedudukan raja begitu tinggi dan istimewa dalam sesebuah kerajaan. Raja bertanggungjawab memberikan perlindungan politik dan menjamin keselamatan rakyat yang mendiami wilayah kekuasaannya. Sebagai balasan, rakyat yang mendiami wilayah yang diperintah oleh raja akan menerima dan mengakui kekuasaan raja. Kesetiaan terhadap rajanya inilah yang menentukan sempadan kerajaan atau wilayah yang diperintah oleh raja tersebut. Kerajaan yang kuat akan menakluk atau menaungi kerajaan lain yang lemah untuk mengembangkan empayarnya. Contohnya, Kesultanan Melayu Melaka mempunyai banyak negeri taklukan dan naungan.

Jelaskan latar belakang Sistem Ahli.

BAB 5: ms 117

Sistem Ahli merupakan sistem yang melatih penduduk tempatan dan kaum lain menerajui pentadbiran Tanah Melayu. Idea penubuhannya telah dicetuskan oleh Dato' Onn Jaafar dalam perbincangannya dengan Sir Henry Gurney di Kuala Lumpur. Sir Henry Gurney mencadangkan agar model negara Kenya dan Rhodesia Utara dilaksanakan di Tanah Melayu. Cadangan ini selaras dengan hasrat British untuk menjalankan dasar dekolonisasi. Pihak British berpendapat bahawa Sistem Ahli akan mengurangkan tekanan dari pihak Parti Komunis Malaya.

Sistem Ahli telah dibincangkan dan dipersetujui dalam mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu pada bulan Februari 1950. Pada Julai 1950 satu rundingan antara pihak British dengan wakil penduduk Tanah Melayu telah diadakan di King House, Kuala Lumpur.

Sir Henry Gurney telah menjemput Dato' Onn Jaafar (Yang Dipertua UMNO), Dato' Hamzah Abdullah (Menteri Besar Selangor), Raja Uda dan Dato' Nik Ahmed Kamil yang mewakili UMNO dan juga orang Melayu. Dato' E.E C Thuraisingam mewakili kaum India dan Encik Yong Shook Lin dan Dr. Lee Tiang Kang yang mewakili masyarakat Cina.

Jelaskan konsep pakatan murni.

BAB 5: ms 119

Pakatan Murni adalah usaha semua kaum di Tanah Melayu untuk menghasilkan satu kerjasama tolak ansur politik melalui rundingan. Setiap kaum mempunyai tuntutan tersendiri. Ia merupakan jalan penyelesaian untuk menyatupadukan pelbagai kaum. Usaha untuk mencapai kemerdekaan. Mewujudkan keharmonian kaum tanpa pertumpahan darah.

Jelaskan cadangan pembentukan Malaysia.

BAB 6: ms 137

Idea pembentukan Malaysia telah dikemukakan pada tahun 1887 oleh Lord Brassey, (Pengarah Syarikat Borneo Utara), mencadangkan agar Kerajaan British menggabungkan Sarawak dan Sabah (Borneo Utara) dengan Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat. Pada tahun 1948, Sir Malcolm MacDonald (Gabenor Jeneral Asia Tenggara), mencadangkan supaya Sarawak, Sabah, Singapura, Brunei dan Persekutuan Tanah Melayu digabungkan.

Pada tahun 1956, Dato' Onn Ja'afar mencadangkan agar Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka dinamai Malaysia. Menurut beliau pada suatu masa nanti British akan menggabungkan negeri Sarawak,

Sabah, Brunei dan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu. Cadangan seterusnya daripada pemimpin Singapura iaitu Lim Yew Hock, David Marshall dan Lee Kuan Yew. Lee Kuan Yew telah mendesak British supaya berunding dengan Tunku Abdul Rahman untuk menggabungkan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu sahaja. Idea ini sama sekali tidak dipersetujui oleh Tunku Abdul Rahman kerana akan berlaku ketidakseimbangan penduduk. Tunku Abdul Rahman telah menyetujui gagasan Malaysia dan mencadangkan pembentukannya dalam majlis makan tengah hari anjuran persatuan Wartawan Luar Negeri di Hotel Adelphi, Singapura. Beliau menyokong bagi menjamin kedudukan politik yang lebih kukuh dan disegani di rantau ini. Dengan ini kerjasama dalam bidang ekonomi dan sosial dapat diwujudkan.

KONSTRUK MEMAHAMI

Tajuk: Sistem Ahli

Kata Kunci: Ciri-ciri Sistem Ahli

Pelaksanaan Sistem Ahli menyediakan asas yang kukuh kepada pembinaan perpaduan kaum sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Jelaskan ciri ciri Sistem Ahli.

BAB 5: ms 117-118

(20 markah)

Sistem Ahli dilaksanakan dari bulan Januari 1951 hingga bulan Jun 1955, iaitu sebelum pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) dijalankan pada bulan Julai 1955. Ciri-ciri Sistem Ahli ialah satu sistem kabinet bayangan yang terdiri daripada beberapa orang pegawai tadbir dan tokoh masyarakat untuk memegang beberapa jawatan yang dibentuk. Seterusnya anggota sistem Ahli dikenali sebagai Ahli, contohnya Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri. Pelantikan Ahli dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-raja Melayu. Sistem Ahli terdiri daripada sembilan orang anggota iaitu 5 orang penduduk Tanah Melayu yang terdiri daripada 3 orang Melayu, seorang Cina dan seorang India. Sistem Ahli turut disertai 4 orang Pegawai British. Ahli-ahlinya diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British.

Dalam Sistem Ahli, ahli-ahli yang dilantik diberikan tugas menjaga satu portfolio. Setiap portfolio mengandungi beberapa jabatan kerajaan. Ahli akan menguruskan pentadbiran harian jabatan tersebut mengikut dasar-dasar yang sedia ada. Ahli juga bertanggungjawab mencadangkan undang-undang yang berkaitan dengan jabatannya untuk dibentangkan dalam Majlis Perundangan Persekutuan. Ahli akan berbincang dengan pegawai kanan British untuk mendapatkan persetujuan ketika menyediakan cadangan undang-undang tersebut. Persetujuan daripada Pesuruhjaya Tinggi juga diperlukan dalam penyediaan undang-undang tersebut. Pesuruhjaya Tinggi juga memberikan arahan dan persetujuan tentang undang-undang yang dicadangkan. Pada kebiasaananya, cadangan undang-undang itu merupakan pendirian pentadbiran British.

Keanggotan Sistem Ahli pada peringkat awal ialah Dato' Onn Ja'afar yang memegang portfolio Ahli Dalam Negeri. O.A. Spencer merupakan Ahli Ekonomi. Tunku Yaakob ibni Sultan Abdul Hamid pula merupakan Ahli Pertanian dan Perhutanan. Dr. Lee Tiang Keng ialah Ahli Kesihatan. Dato' EEC Thuraisingam merupakan Ahli Pelajaran. J.D. Hodgkinson ialah Ahli Perindustrian dan Hubungan Sosial. J.D. Mead merupakan Ahli Perumahan dan Kerja Raya. Akhir sekali Dato' Mahmud Mat ialah Ahli Tanah, Perlombongan dan Perhubungan.

Tajuk: Pakatan Murni

Kata Kunci: Proses pelaksanaan Pakatan Murni/langkah-langkah

Bagaimanakah proses Pakatan Murni di Tanah Melayu dijalankan. Jelaskan.

BAB 5: ms 119-121

(20 markah)

Sebelum Perikatan ditubuhkan terdapat beberapa usaha mengadakan Pakatan Murni dalam kalangan penduduk Persekutuan Tanah Melayu. Langkah pertama ialah, penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaision Committee (CLC) pada bulan Januari 1949 di Pulau Pinang. Pada peringkat permulaannya, CLC ini hanya dianggotai oleh dua kaum terbesar di Tanah Melayu, iaitu Melayu dan Cina. Orang Melayu yang bernaung di bawah UMNO diketuai oleh Dato' Onn Ja'afar, orang Cina pula dinaungi Persatuan Cina Malaya atau Malayan Chinese Association (MCA) yang diterajui oleh Tan Cheng Lock. Namun, pada bulan Ogos 1949, CLC telah dianggotai oleh enam orang pemimpin Melayu, enam orang pemimpin Cina dan seorang wakil daripada kaum India, Sri Lanka, Serani dan Eropah.

Penubuhan CLC adalah titik permulaan kerjasama kaum di Persekutuan Tanah Melayu. Perkara ini merupakan perubahan terhadap dasar UMNO kerana kesanggupannya berunding dengan kaum lain untuk kepentingan masa depan negara. Hal ini juga merupakan satu pendekatan baru dalam arena politik Persekutuan Tanah Melayu. Menurut Dato' Onn Ja'afar, perpaduan antara kaum patut menjadi asas kemerdekaan yang akan dicapai.

Hasil daripada UMNO-CLC, beberapa perkara telah dipersetujui. Antaranya, penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa atau Rural Industrial Development Authority (RIDA) pada bulan Oktober 1950. Tujuan penubuhannya adalah untuk memajukan ekonomi dan pendidikan masyarakat luar bandar terutamanya kaum Melayu. Pengurus pertamanya ialah Dato' Onn Ja'afar. Hasil rundingan kedua ialah Kerakyatan Negeri 1951 diberikan kepada imigran yang lahir di Persekutuan Tanah Melayu. Bagaimanapun syaratnya ialah ibu atau bapa telah menjadi rakyat Tanah Melayu. Hasil rundingan ketiga ialah pilihan raya akan diadakan pada masa yang sesuai di peringkat Perbandaran, Negeri dan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP).

Langkah kedua ialah pembukaan keahlian UMNO kepada bukan Melayu seperti yang dicadangkan oleh Dato' Onn Ja'afar pada tahun 1951. Bagaimanapun beliau telah dikecam hebat kerana masyarakat Melayu enggan berkompromi untuk mengubah struktur UMNO. Beliau kemudiannya telah meninggalkan UMNO.

Langkah ketiga ialah penubuhan Parti Kemerdekaan Malaya atau Independence Malaya Party (IMP). Dasar IMP mengikut Dato' Onn Ja'afar akan menggunakan konsep kerjasama kaum dalam sebuah parti. IMP terbuka kepada semua kaum yang mahu bekerja untuk mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Kerakyatan Negeri 1951 tidak lagi menjadikan orang Melayu sebagai rakyat tunggal Tanah Melayu. Sebaliknya, orang bukan Melayu menjadi rakyat Tanah Melayu. Walaubagaimanapun, IMP gagal mendapat sambutan daripada kaum Cina, India dan kaum lain di Tanah Melayu. Hal ini kerana mereka tidak merasakan mereka adalah sebagai satu bangsa Tanah Melayu. Rasa perpaduan terlalu asing bagi mereka.

Langkah seterusnya ialah penubuhan Persidangan Kebangsaan pada Februari 1953 oleh Sir Malcom Mac Donald (Gabenor Jeneral Asia Tenggara) di King's House Kuala Lumpur. Tujuannya adalah untuk mencapai kerjasama politik bagi mengurangkan perasaan perkauman di kalangan penduduk Persekutuan Tanah Melayu. Penubuhan Persidangan Kebangsaan diisytiharkan pada bulan April 1953 di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Dato' Panglima Bukit Gantang menjadi pengurusnya dan beliau disokong oleh beberapa menteri besar.

Tunku Abdul Rahman sebagai pemimpin UMNO telah menganjurkan Konvensyen Kebangsaan bersama-sama MCA. Konvensyen ini disertai oleh pelbagai parti dan persatuan politik yang lain. Kerjasama ini telah mengasaskan pembentukan Parti Perikatan.

Tajuk: Perikatan serta Pilihan Raya Bandaran, Negeri dan Majlis Perundangan Persekutuan 1955

Kata Kunci: kejayaan pakatan murni/rombongan kemerdekaan

Huraikan kejayaan Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur dan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) sehingga sebelum mencapai kemerdekaan.

@
Huraikan kejayaan yang telah dicapai melalui pakatan murni sehingga mencapai kemerdekaan negara.

BAB 5: ms 121-125

(15 markah)

Kerjasama UMNO-MCA telah dibentuk apabila British ingin mengadakan pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada bulan Februari 1952. Dalam pilihan raya tersebut gabungan UMNO-MCA telah memenangi sembilan daripada dua belas kerusi yang dipertandingkan. Dalam pilihan raya Majlis Perbandaran di beberapa bandar utama, gabungan UMNO-MCA telah memenangi 26 daripada 37 kerusi yang dipertandingkan. Dalam pilihan raya negeri tahun 1954, Parti Perikatan telah memenangi 226 daripada 268 kerusi yang dipertandingkan. Kemenangan ini menunjukkan permuafakatan kaum dalam pelbagai parti dapat diterima oleh penduduk Persekutuan Tanah Melayu. Kerjasama UMNO-MCA ini telah mengasaskan penubuhan Parti Perikatan yang kemudiannya disertai oleh MIC pada tahun 1955.

Pada tahun 1954, British telah menujuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Raya dalam Majlis Perundangan Persekutuan (MPP). Jawatankuasa ini dianggotai oleh pemimpin parti politik seperti Parti Negara, UMNO, MCA, MCA dan pegawai-pegawai tinggi British. Jawatankuasa tersebut mencadangkan 52 kerusi dipilih melalui pilihan raya dan 48 ahli MPP dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British.

Parti Perikatan telah menyertai pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) yang diadakan pada 27 Julai 1955. Dalam pilihan raya itu Parti Perikatan telah memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Kemenangan Parti Perikatan yang amat cemerlang ini telah membolehkan Tunku Abdul Rahman selaku Ketua Parti Perikatan menjadi Ketua Menteri dan membentuk kabinet.

Tunku Abdul Rahman telah mengetuai rombongan rundingan kemerdekaan ke London pada bulan Februari 1956. Beliau disertai oleh Dr. Ismail Abdul Rahman, Dato' Abdul Razak Hussein dan Kolonel H.S.Lee. Empat orang wakil Sultan pula terdiri daripada Dato' Panglima Bukit Gantang (Ketua), Dato' Nik Ahmed Kamil, Encik Abdul Aziz Majid dan Dato' Mohd. Seth. Perundingan tersebut dipengerusikan oleh Lord Lennox-Boyd, iaitu Setiausaha Tanah Jajahan British. Rundingan tersebut telah berlangsung dari 18 Januari hingga 8 Februari 1956. Dalam perundingan itu, sebuah suruhanjaya bebas untuk mengkaji perlembagaan yang dibentuk. Pihak British telah bersetuju untuk memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Tunku Abdul Rahman telah membuat pengisytiharan tarikh kemerdekaan itu di Bandar Hilir, Melaka.

Bincangkan usaha Parti Perikatan untuk mencapai kemerdekaan negara.

BAB 5: ms 125

(10 markah)

Tunku Abdul Rahman telah mengetuai rombongan rundingan kemerdekaan ke London pada bulan Februari 1956. Beliau disertai oleh Dr. Ismail Abdul Rahman, Dato' Abdul Razak Hussein dan Kolonel H.S.Lee. Empat orang wakil Sultan pula terdiri daripada Dato' Panglima Bukit Gantang (Ketua), Dato' Nik Ahmed Kamil, Encik Abdul Aziz Majid dan Dato' Mohd. Seth. Perundingan tersebut dipengerusikan oleh Lord Lennox-Boyd, iaitu Setiausaha Tanah Jajahan British. Rundingan tersebut telah berlangsung dari 18 Januari hingga 8 Februari 1956.

Dalam perundingan itu, sebuah suruhanjaya bebas untuk mengkaji perlembagaan yang dibentuk. Pihak British telah bersetuju untuk memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Tunku Abdul Rahman telah membuat pengisytiharan tarikh kemerdekaan itu di Bandar Hilir, Melaka.

Kesimpulannya, pakatan murni telah mendapat sokongan pelbagai kaum pada peringkat akar umbi. Mereka telah bekerjasama membentuk permuafakatan politik Persekutuan Tanah Melayu. Kerjasama ini amat penting dalam usaha untuk menangani tuntutan kemerdekaan.

Tajuk: Suruhanjaya Reid

Kata Kunci: Peranan/Tugas

Jelaskan peranan Suruhanjaya Reid.

BAB 5: ms 125-127

(10 markah)

Suruhanjaya Reid telah dibentuk pada bulan Mac 1956 bagi membincangkan dan menyusun perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Suruhanjaya ini telah diketuai oleh Lord Reid (Hakim British) yang bertindak sebagai pengurus, manakala ahli yang lain ialah Sir Ivor Jennings (England), Sir William McKell (Bekas Gabenor Jeneral Australia), Tuan B. Malik (Hakim Mahkamah Tinggi India) dan Tuan Abdul Hamid (Pakistan). Tugas suruhanjaya ini adalah untuk merangka sebuah perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang akan merdeka.

Suruhanjaya ini telah menerima sebanyak 131 memorandum daripada pelbagai pihak. Cadangan-cadangan Suruhanjaya Reid ini telah diterbitkan pada bulan Februari 1957. Parlimen British menerima cadangan tersebut pada bulan Mei 1957. Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan Tanah Melayu telah mengesahkannya pada 17 Ogos 1957. Hasilnya, lahirlah Perlembagaan Kemerdekaan 1957.

Satu isu hangat ialah kerakyatan jus soli. Kerakyatan ini yang menjadi tuntutan orang dagang tidak dapat diterima oleh orang Melayu. Ini adalah kerana prinsip kerakyatan jus soli memberikan hak sama rata kepada semua kaum dan ini dianggap boleh melemahkan lagi kedudukan orang Melayu. Namun setelah beberapa rundingan dibuat, Raja-raja Melayu telah menerima kerakyatan jus soli dengan syarat orang bukan Melayu mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Tajuk: Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

Kata Kunci: Isi perjanjian

Isi-isi penting Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

BAB 5: ms 127

(10 markah)

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah ditandatangani oleh Raja-Raja Melayu dan British pada 15 Ogos 1957. Perjanjian ini telah melahirkan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang berasaskan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Isi-isi penting Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ialah pembentukan sebuah Kerajaan Persekutuan dan pemisahan antara kuasa persekutuan dengan kuasa negeri melalui Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri. Selain itu, institusi raja dijadikan Raja Berperlembagaan pada peringkat negeri dan negara serta tiga jenis kerakyatan diwujudkan iaitu secara Kuat Kuasa Undang-undang, Permohonan dan Naturalisasi. Prinsip jus soli diterima. Seterusnya, kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan dan agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan. Selain itu, Tanah Simpanan Melayu dikekalkan. Di samping itu, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua negara. Isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang seterusnya ialah pentadbiran negara bersifat demokrasi berparlimen, iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara terletak di bawah kuasa Parlimen. Pada peringkat negeri, Menteri Besar menjadi pelaksana pentadbiran dan beliau dibantu oleh Dewan Undangan Negeri dan EXCO.

Prinsip-prinsip Perlembagaan Kemerdekaan 1957 ini adalah satu penerusan kepada pembinaan negara dan bangsa yang kukuh, sistematik dan berperundangan. Unsur Kesultanan Melayu digabungkan dengan sistem birokrasi Barat untuk membentuk identiti negara dan bangsa Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

Tajuk: Pembentukan Malaysia

Kata Kunci: Faktor/Sebab Pembentukan Malaysia

Pembentukan Malaysia merupakan satu tindakan yang rasional. Jelaskan faktor-faktor / sebab-sebab pembentukan Malaysia.

BAB 6: ms 138-140

(25 markah)

Faktor politik ialah Lee Kuan Yew berminat untuk bergabung dengan Malaysia kerana perkembangan pengaruh Barisan Sosialis yang memenangi pilihan raya Hong Lim di Singapura pada bulan April 1961. Kebangkitan pengaruh Barisan Sosialis akan melemahkan Parti Tindakan Rakyat atau People's Action Party (PAP) pimpinan Lee Kuan Yew. Perkembangan di Singapura ini membimbangkan kerana hal ini akan menggugat rancangan kerajaan British dalam memberikan kemerdekaan kepada Singapura. Lee Kuan Yew menganggap Barisan Sosialis sebagai gerakan berhaluan kiri. Lee Kuan Yew menggunakan alasan ancaman komunis untuk mendesak British menggabungkan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu. Hal ini kerana Persekutuan Tanah Melayu berpengalaman lama dalam membentras pengaruh Parti Komunis Malaya atau PKM. Sepanjang tempoh darurat dari tahun 1948 hingga 1960 ancaman komunis turut berlaku di Sarawak, yang diperjuangkan oleh Clandestine Communist Organisation (CCO) yang bermatlamat menjadikan Sarawak sebagai negara komunis. Ancaman komunis merupakan antara faktor terpenting yang mendorong Tunku Abdul Rahman mengemukakan idea pembentukan Malaysia. Hal ini kerana penyertaan Singapura, Sarawak dan Sabah ke dalam Malaysia diharapkan dapat menjadi benteng yang kukuh bagi menghadapi ancaman komunis.

Penubuhan Malaysia akan mempercepatkan kemerdekaan Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei kerana pada masa ini negeri-negeri ini masih belum mampu berkerajaan sendiri. Penyertaan negara-negara ini akan menjamin kemerdekaan lebih awal kerana mengikut perancangan, Malaysia akan ditubuhkan dalam tempoh dua tahun. Dengan menyertai Malaysia negara-negara ini akan dapat menikmati pembangunan sosial, ekonomi dan politik. Penubuhan Malaysia merupakan satu usaha dekolonialisasi British terhadap negeri-negeri kecil yang belum membangun. Pada masa itu, hampir kesemua negara di Asia Tenggara telah berjaya mendapatkan kemerdekaan. Selain itu dalam Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1960, telah timbul usul agar tanah-tanah jajahan diberi kemerdekaan. Kejayaan pembentukan Malaysia diharapkan dapat memberikan kestabilan politik kepada rantau Asia Tenggara. British berharap pembentukan Malaysia dapat menghalang penyebaran pengaruh komunis di Singapura dan wilayah-wilayah Borneo. British perlu mengambil langkah-langkah ke arah memastikan kepentingan mereka terus terkawal terutamanya di pangkalannya di Singapura.

Faktor ekonomi pula penubuhan Malaysia akan mewujudkan satu pasaran yang luas bagi menggalakkan pelaburan dan perkembangan industri pertanian. Kerjasama serantau dalam bidang ekonomi secara tidak langsung dapat memanfaatkan keistimewaan dan sumber-sumber yang ada di negeri-negeri ini. Sebagai contoh Tanah Melayu dengan bahan mentah seperti getah dan bijih timah. Sabah dan Sarawak pula mempunyai sumber balak. Selain itu Brunei kaya dengan sumber minyak.

Faktor sosial pula pembentukan Malaysia dapat mengimbangkan jumlah dan kadar pertumbuhan kaum dalam kalangan negara anggota dengan memasukkan Sarawak dan Sabah dan Brunei ke dalam gabungan itu. Pembentukan Malaysia juga memperlihatkan kesepakatan dan semangat setiakawan antara Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura untuk memajukan negeri masing-masing demi kepentingan bersama.

Tajuk: Pembentukan Malaysia

Kata Kunci: Reaksi terhadap Pembentukan Malaysia

Jelaskan reaksi terhadap pembentukan Malaysia.

BAB 6: ms 141-148

(25 markah)

a) Reaksi Dalam Negeri **BAB 6: ms 141-146**

Persekutuan Tanah Melayu

Rakyat Persekutuan Tanah Melayu melihat Persekutuan Malaysia sebagai usaha murni untuk membantu dan memimpin negeri-negeri anggota. Pengalaman Persekutuan Tanah Melayu sebagai negara yang telah merdeka menjadi aset yang boleh digunakan untuk memajukan Malaysia yang akan ditubuhkan. Kebanyakan parti politik Persekutuan Tanah Melayu menyokong idea ini tetapi terdapat perbezaan pendapat tentang pelaksanaannya. Contoh Parti Islam Setanah Melayu dan Barisan Sosialis meminta supaya idea ini dirundingkan terlebih dahulu dalam kalangan penduduk. Manakala UMNO menyetujui penggabungan dengan Sarawak, Sabah dan Brunei tanpa Singapura.

Singapura

Singapura berhasrat bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu sejak 1950an lagi. Lee Kwan Yew dan partinya iaitu PAP menyokong usaha ini kerana bimbang dengan pengaruh parti berhaluan kiri yang kuat dan beliau sendiri ingin mempertahankan kedudukannya. Menjelang Disember 1961, Majlis Undangan Negeri Singapura meluluskan usaha penggabungan ini.

Parti pembangkang Singapura yang terbesar iaitu Barisan Sosialis menentang idea ini dan mengatakan bahawa pembentukan Malaysia merupakan satu penjajahan bentuk baru. Mereka menuntut agar pandangan rakyat Singapura diperoleh terlebih dahulu sebelum Singapura menyertai gabungan ini.

Pandangan mereka disokong oleh Parti Buruh pimpinan David Marshall dan Parti Rakyat Bersatu atau United People's Party pimpinan Ong Eng Guan yang menggesa kerajaan Singapura mendapatkan pandangan rakyat.

Dengan ini, satu referendum berhubung dengan persoalan dan syarat penggabungan telah diadakan pada 1 September 1962. Dalam referendum tersebut pengundi-pengundi Singapura memilih penggabungan diadakan mengikut cadangan kerajaan Singapura seperti yang dipersetujui dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada bulan November 1941.

Sarawak

Reaksi segera yang timbul di Sarawak dan Sabah selepas cadangan pembentukan Malaysia diumumkan adalah ke arah menolak cadangan ini. Kedua-dua negeri ini telah lama berada di bawah pemerintahan British. Contohnya Sabah selama 60 tahun dan Sarawak melebihi satu abad. Ramai yang ingin kekal di bawah pemerintahan British kerana mereka belum ada keyakinan untuk membentuk pemerintahan sendiri. Hal ini disebabkan sebelum ini peluang mereka dalam politik adalah terhad.

Di Sarawak terdapat dua buah parti politik sebelum penubuhan Malaysia iaitu Parti Bersatu Rakyat Sarawak atau Sarawak United People's Party (SUPP) pimpinan Ong Kee Hui yang dibentuk pada bulan Jun 1959. Majoriti ahlinya terdiri daripada orang Cina dan sebilangan kecil Melayu.

Yang kedua ialah Parti Negara Sarawak (PANAS) ditubuhkan pada bulan April 1960 dibawah pimpinan Dato' Bandar Abang Haji Mustapha. Anggotanya terdiri daripada orang Melayu. Parti ini merupakan parti pertama di Borneo yang menyokong penubuhan Malaysia.

Pada bulan April 1961 lahir Parti Kebangsaan Sarawak atau Sarawak National Party (SNAP) pimpinan Stephen Kalong Ningkan yang ahlinya terdiri daripada orang Iban. Barisan Rakyat Jati Sarawak (BERJASA) ditubuhkan pada bulan Disember 1961 di bawah pimpinan Abdul Rahman Yaakub dan Abdul Taib Mahmud. Parti ini ialah parti berbilang kaum tetapi majoriti ahlinya terdiri daripada orang Melayu dan Melanau serta sebilangan kecil orang Iban dan Bidayuh.

Parti lain yang terdapat di Sarawak ialah Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA) pimpinan Temenggung Jugah Anak Barieng yang ditubuhkan pada bulan Ogos 1962 dan Sarawak Chinese Association (SCA) yang ditubuhkan bulan Julai 1962. Kebanyakan ahli bagi kedua-dua parti ini terdiri daripada orang-orang Cina. Kesemua parti politik di Sarawak akhirnya menyokong Sarawak menyertai Malaysia walaupun pada peringkat awalnya mereka menentang kerana inginkan kemerdekaan terlebih dahulu. Hanya SUPP yang terus menentang. Pada bulan Oktober 1962, lima buah parti iaitu PANAS, SNAP, BERJASA, SCA dan PESAKA telah bergabung membentuk Parti Perikatan Sarawak. Gabungan ini telah berjuang ke arah menyokong Sarawak menyertai Malaysia dan berusaha menyekat pengaruh SUPP.

Sabah

Di Sabah masih belum terdapat parti-parti politik namun pengumuman Tunku Abdul Rahman tentang gagasan Malaysia telah melahirkan beberapa buah parti politik di negeri itu bagi tujuan mengemukakan pandangan serta mendapatkan sokongan tentang gagasan Malaysia. Antara parti politik yang lahir ialah Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu atau United National Kadazan Organisation (UNKO) pada bulan Ogos 1961 di bawah pimpinan Donald Stephens.

Pada bulan Disember 1961, lahir Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu atau United Sabah National Organisation (USNO) pimpinan Datu Mustapha Datu Harun yang mewakili orang Islam di Sabah. Pada bulan Jun 1962 lahir sebuah lagi parti kaum Dusun atau Kadazan pimpinan G.S. Sundang iaitu Parti Pasok Momugun. Pada masa itu muncul dua buah parti yang mendapat sokongan orang cina iaitu Parti Bersatu pimpinan Khoo Siak Chew dan Parti Demokratik pimpinan Peter Chin.

Pada bulan September 1961 kelima-lima parti politik iaitu UNKO, USNO, Parti Pasok Momugun, Parti Bersatu dan Parti Demokratik telah bersatu membentuk Parti Perikatan Sabah. Akhirnya kesemua parti di Sabah menyokong penyertaan Sabah ke dalam Malaysia.

Parti Perikatan Sabah telah mengemukakan tuntutan yang mengandungi 20 syarat dikenali sebagai Perkara 20. Tuntutan ini kemudiannya diterima oleh Sarawak. Perkara 20 menyenaraikan tuntutan Sarawak dan Sabah untuk dimasukkan dalam Perlembagaan Malaysia yang baru oleh Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK). Laporan jawatankuasa ini memuatkan tuntutan tersebut dan kemudiannya menjadi asas kepada pembentukan perlembagaan Malaysia yang baru. Ia dapat melindungi hak dan kepentingan penduduk Sarawak dan Sabah.

Terdapat sedikit perbezaan antara pembahagian kuasa Sarawak dan Sabah dengan negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu. Hak ini dikenali sebagai hak wilayah asingan. Antara perkara penting yang disentuh dalam hak wilayah asingan termasuklah Ketua Negeri, bahasa kebangsaan, agama Islam, kedudukan istimewa penduduk negeri dan hal ehwal imigresen, kerakyatan, peruntukan kewangan dan pelajaran.

Menjelang akhir tahun 1961, ramai pemimpin dan rakyat Sarawak dan Sabah mula menyokong pembentukan Malaysia. Pembentukan sikap ini didorong oleh usaha kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu menjelaskan Gagasan Malaysia dengan mempertimbangkan pandangan penduduk Sarawak dan Sabah. Semangat perpaduan dan semangat toleransi yang diperlihatkan oleh para pemimpin dari Tanah Melayu termasuk Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun V.T. Sambanthan dan Tun Tan Siew Sin telah membantu kepada perubahan sikap ini. Di samping itu, usaha ini turut mendapat kerjasama daripada pemimpin Sarawak dan Sabah antaranya termasuklah Datu Mustapha Datu Harun, Temenggung Jugah, Donald Stephen, Ong Kee Hui dan Stephen Kalung Ningkan.

Brunei

Sultan Brunei iaitu Sultan Omar Ali Saifuddin menyokong gagasan Malaysia pada peringkat awalnya dan beliau telah membentuk sebuah suruhanjaya bagi meninjau pendapat rakyat Brunei. Namun Parti Rakyat Brunei (PRB) di bawah pimpinan A.M Azahari menentang Gagasan Malaysia kerana matlamat parti ini adalah untuk menujuhkan Persekutuan Borneo iaitu Kerajaan Kalimantan Utara terdiri daripada Sarawak, Sabah dan Brunei.

Anggota PRB menganggap Gagasan Malaysia sebagai satu bentuk neokolonialisme. A.M Azahari telah melancarkan pemberontakan di bawah Pasukan Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) yang ditubuhkan di beberapa buah bandar di Sarawak, Sabah dan Brunei. Pemberontakan ini dilancarkan apabila Majlis Mesyuarat Undangan Negeri Brunei dan Sultan Brunei menangguhkan keputusan tentang Gagasan Malaysia. A.M Azahari dan penyokongnya mendapat bantuan dan sokongan daripada Indonesia dan Filipina. Pemberontakan Brunei yang berlaku pada 7 Disember 1962 dapat dipatahkan oleh tentera British tetapi A.M Azahari berada di Manila tidak dapat ditangkap. Beliau kemudiannya mendapat perlindungan politik di Indonesia.

b) Reaksi Negara Luar BAB 6: ms 146-148

Indonesia

Indonesia telah membantah pembentukan Malaysia. Pada peringkat awal Indonesia tidak menunjukkan sebarang reaksi terhadap pembentukan Malaysia. Tentangan hanya muncul pada akhir tahun 1962. Indonesia berpendapat pembentukan Malaysia merupakan satu bentuk neokolonialisme yang akan mengancam Indonesia. Pandangan yang disuarakan oleh Parti Komunis Indonesia ini kemudiannya telah mempengaruhi Presiden Soekarno untuk mengisyiharkan dasar konfrontasi.

Daras konfrontasi dari segi ekonomi dan kemasyarakatan dengan konsep Ganyang Malaysia telah diumumkan pada 20 Januari 1963. Walaupun pada peringkat permulaan berlaku serangan terhadap kapal-kapal nelayan Tanah Melayu dan juga pencerobohan udara tetapi kerajaan persekutuan tidak mengambil sebarang tindakan. Namun apabila tentera Indonesia mula melancarkan serangan melalui Johor, Sarawak dan Sabah, Malaysia telah bertindak balas dengan bantuan tentera Komanwel seperti Britain, Australia, New Zealand dan Kanada. Malaysia mempunyai perjanjian pertahanan dengan Britain. Tunku Abdul Rahman mengambil tindakan menghantar bantahan rasmi kepada Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu berhubung dengan pencerobohan Indonesia terhadap Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah. Walau bagaimanapun ancaman Indonesia untuk menentang Tanah Melayu dari segi ekonomi tidak berlaku kerana tindakan ini menjaskan Indonesia sendiri.

Malaysia terpaksa mengambil langkah memelihara kedaulatan negara dan rakyatnya apabila Indonesia bertindak memburukkan negara Malaysia di negara Afro-Asia dan Negara Dunia Ketiga. Perwakilan yang diketuai Tun Abdul Razak telah mengadakan lawatan di beberapa negara Afrika bagi menjelaskan masalah hubungan diplomatik Indonesia dengan Malaysia.

Hubungan tegang ini berpanjangan sehingga pada bulan September 1965 apabila berlaku pemberontakan bersenjata di Indonesia. Jeneral Soeharto telah menggulingkan Presiden Soekarno. Presiden Soeharto kemudiannya menghantar Menteri Luar Indonesia Adam Malik, bagi memulihara hubungan diplomatik Malaysia-Indonesia. Menjelang bulan Ogos 1966, berakhirlah konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia.

Filipina

Kerajaan Filipina di bawah pimpinan Presiden Macapagal telah membuat pengumuman rasmi menuntut hak terhadap Sabah pada Jun 1962. Kerajaan Filipina dengan tegas mendakwa Sabah masih merupakan sebahagian daripada milik Kesultanan Sulu. Tuntutan ini berdasarkan perjanjian yang ditandatangani pada 22 Januari 1878 antara Sultan Jamalul Alam dengan Baron Von Overbeck. Baron Von Overbeck kemudian telah menjualkan haknya kepada Alfred Dent yang telah menubuahkan syarikat perdagangan yang berjaya memperoleh Piagam Diraja daripada British. Pada tahun 1881, sysrikat ini dikenali sebagai Syarikat British Utara Borneo (SBUB). Syarikat inilah yang memerintah Sabah sehingga kedatangan Jepun.

Pada tahun 1946, SBUB menyerahkan pemerintahan Sabah kepada kerajaan British. Walau bagaimanapun pajakan ini telah diisyiharkan tamat oleh waris Kesultanan Sulu yang terakhir iaitu Sultan Esmail Kiram pada 22 Januari 1958. Menjelang bulan Jun 1966, Filipina telah mengiktiraf penubuhan Malaysia. Pengiktirafan ini diberikan menerusi usaha membaiki hubungan antara kedua-dua negara melalui MAPHILINDO.

Tajuk: Pembentukan Malaysia

Kata Kunci: Langkah-langkah Pembentukan Malaysia

Huraikan langkah-langkah pembentukan Malaysia.

BAB 6: ms 149-152

(20 markah)

Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Kaum (JPPK) telah ditubuhkan di Singapura pada bulan Julai 1961 yang dipengerusikan oleh Donald Stephens. Jawatankuasa ini berperanan menerangkan kepada orang ramai tentang gagasan Malaysia, mengumpulkan pandangan penduduk dan menggalakkan kegiatan ke arah pembentukan Malaysia. Mesyuarat jawatankuasa ini telah berlangsung sebanyak empat kali, iaitu di Jesselton (Sabah), Kuching (Sarawak), Kuala Lumpur (Persekutuan Tanah Melayu) dan Singapura. Brunei telah menghantar pemerhatinya menghadiri tiga mesyuarat terakhir. Dalam mesyuarat terakhir di Singapura pada bulan Februari 1962, ahli-ahli bersepakat mengemukakan satu memorandum kepada Suruhanjaya Cobbold yang dibentuk oleh kerajaan British. Memorandum ini mengandungi perkara penting yang memberikan pertimbangan kepada pandangan dan pendapat Sarawak dan Sabah untuk dimasukkan dalam perlembagaan baru.

Suruhanjaya Cobbold disertai oleh tiga orang pegawai British iaitu Lord Cobbold, Sir Anthony Abell dan Sir David Watherston. Rakyat tempatan yang menyertai suruhanjaya ini ialah Dato' Wong Pow Nee dan Tan Sri Ghazali Shafie. Suruhanjaya ini ditubuhkan untuk meninjau pendapat rakyat Sarawak dan Sabah tentang gagasan Malaysia serta membuat penilaian dan mengemukakan cadangan kepada pihak British.

Suruhanjaya ini telah meninjau pendapat penduduk Sarawak dan Sabah. Pada masa yang sama suruhanjaya ini menerima memorandum yang dikemukakan oleh pelbagai pertubuhan. Suruhanjaya ini memulakan tugas dari bulan Februari hingga bulan April 1962 dan mengemukakan laporan mereka kepada kerajaan British pada bulan Jun 1962. Menurut laporan Suruhanjaya Cobbold, satu pertiga penduduk Sarawak dan Sabah menyokong gagasan Malaysia tanpa syarat, satu pertiga menyokong dengan syarat iaitu kepentingan mereka harus dilindungi dan satu pertiga lagi menginginkan kemerdekaan sebelum menyertai Malaysia.

Suruhanjaya ini juga telah mengemukakan beberapa cadangan. Antaranya perlembagaan Malaysia yang baru harus berasaskan perlembagaan Tanah Melayu 1957. Sarawak dan Sabah diberi kuasa menentukan dasar imigresennya dan Bahasa Melayu dijadikan bahasa Kebangsaan. Cadangan lain termasuklah jaminan terhadap hak dan kedudukan bumiputera Sarawak dan Sabah, pemberian nama Malaysia kepada negara baru yang dibentuk serta penentuan tarikh penubuhan Malaysia. Cadangan suruhanjaya ini diperincikan oleh Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK).

JAK ditubuhkan pada Ogos 1962 dan dianggotai oleh wakil-wakil Persekutuan Tanah Melayu, Britain, Sarawak dan Sabah. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Lord Lansdowne (Menteri Negara bagi Tanah Jajahan) dibantu oleh Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu Tun Abdul Razak. Kedua-duanya mengunjungi Sarawak dan Sabah bagi menerangkan penubuhan Malaysia. Jawatankuasa ini bermesyuarat sebanyak 24 kali bagi mewajarkan kemasukan Sarawak dan Sabah ke dalam Malaysia. Mereka turut membincangkan hak dan kepentingan penduduk Sarawak dan Sabah.

Menjelang Disember 1962 Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah bersetuju Malaysia dibentuk pada 31 Ogos 1963. Walau bagaimanapun, tentangan daripada Indonesia dan Filipina telah menyulitkan pembentukan Malaysia. Justeru bagi mengurangkan ketegangan, perjumpaan tiga pihak melibatkan Malaysia, Indonesia dan Filipina telah diadakan. Sidang kemuncak antara ketua kerajaan iaitu Tunku Abdul Rahman, Presiden Soekarno dan Presiden Macapagal telah diadakan di Manila dari 30 Julai hingga 5 Ogos 1963. Hasil rundingan ini MAPHILINDO telah ditubuhkan. Ketiga-tiga negara ini telah bersetuju mencari jalan penyelesaian dengan bantuan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

KONSTRUK MENGANALISIS / MENILAI / MENGAPLIKASI / MENJANA IDEA

Isu: Perpaduan/kedaulatan negara

Kata kunci: kepentingan/manfaat/faedah/kesan/implikasi/impak/kebaikan

Perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dapat memelihara kedaulatan negara dan bangsa Malaysia pada masa hadapan. Buktikan.

(10 markah)

Perpaduan pemimpin berbilang kaum contohnya dalam Pakatan Murni dan Parti Perikatan telah berjaya merealisasikan kemerdekaan negara pada tahun 1957. Ini dapat dibuktikan melalui pemuaafakan antara pemimpin pelbagai kaum dan antara rakyat bersama-sama menyokong usaha untuk mendapatkan kemerdekaan negara. Jelaslah, perpaduan yang terbentuk mampu merealisasikan pembinaan negara bangsa Malaysia yang bersatu.

Selain itu, perpaduan kaum juga penting agar kestabilan politik negara sentiasa terpelihara. Perpaduan kaum yang kukuh juga dapat menghapuskan perasaan curiga mencurigai antara satu sama lain khususnya yang melibatkan isu keagamaan dan sensitif bagi setiap kaum. Contohnya, setiap kaum hendaklah saling memahami dan menghormati agama serta budaya kaum lain. Oleh itu, keadaan ini dapat mengelakkan daripada tercetusnya isu perkauman yang boleh menggugat keselamatan negara.

Di samping itu, perpaduan rakyat Malaysia bertunjangkan prinsip Rukun Negara. Seluruh rakyat Malaysia menghayati dan mengamalkan lima prinsip tersebut. Contohnya, menerusi prinsip kedua Rukun Negara iaitu kesetiaan kepada raja dan negara. Oleh itu, rakyat Malaysia tanpa mengira kaum sentiasa setia pada pemimpin dan negara untuk bersama-sama berganding bahu mengekalkan perpaduan. Jelaslah, kesetiaan yang wujud ini dapat menjadikan rakyat Malaysia hidup harmoni dan sejahtera.

Seterusnya, perpaduan dapat menjana pembangunan ekonomi negara. Seluruh rakyat berbilang kaum perlu berganding bahu memajukan ekonomi negara agar taraf hidup rakyat negara ini dapat ditingkatkan. Dengan adanya perpaduan, kerajaan mampu menumpukan segala usaha ke arah pembangunan ekonomi negara. Sehubungan dengan itu, rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dan kaum dapat bersama-sama berkongsi dan menikmati kemakmuran ekonomi negara yang diperoleh hasil daripada kerjasama setiap anggota masyarakat. Contohnya, kerajaan dapat membantu golongan seperti B40 menerusi pelbagai skim bantuan. Oleh itu, kerajaan dapat memastikan kebajikan setiap peringkat masyarakat menjadi agenda penting kerajaan. Jelaslah keseimbangan ekonomi dapat mengelakkan rasa tidak puas hati rakyat dan memastikan keamanan negara berterusan pada masa hadapan.

Isu: Perpaduan/pengukuhan negara bangsa

Kata kunci: cara/usaha/langkah/tindakan/amalan/penghayatan

Perpaduan antara kaum perlu dihayati dan diamalkan oleh setiap anggota masyarakat untuk memperkuuh negara dan bangsa Malaysia yang berdaulat. Huraikan pernyataan tersebut.

(10 markah)

Perpaduan kaum dapat memperkuuh negara dan bangsa Malaysia. Perpaduan kaum ini dapat direalisasikan melalui sistem pendidikan kebangsaan. Sistem pendidikan bercorak kebangsaan seharusnya menggunakan bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar bermula di peringkat rendah lagi. Oleh itu, langkah kerajaan memperkenalkan Sekolah Wawasan amat bertetapan dengan hasrat melahirkan generasi yang memahami erti perpaduan dan mengamalkannya dalam kehidupan. Hal ini kerana, murid pelbagai kaum belajar di bawah satu bumbung yang sama. Jelaslah rasa perpaduan dapat dibentuk sejak kecil lagi.

Selain itu, perpaduan kaum dapat memperkuuh negara bangsa Malaysia melalui pemerksaan amalan demokrasi. Amalan demokrasi yang termaktub dalam perlembagaan Malaysia menjamin kebebasan asasi masyarakat berbilang kaum. Contohnya, kebebasan bersuara dan beragama. Rakyat

Malaysia bebas mengamalkan kepercayaan dan budaya tanpa curiga. Oleh itu, rakyat berbilang kaum akan berasa puas hati dan hal ini dapat menjamin ikatan perpaduan yang berterusan.

Seterusnya, perpaduan dapat dibentuk menerusi perkongsian kuasa dalam pentadbiran negara. Setiap pemimpin berbilang kaum berpeluang memegang jawatan dalam kerajaan. Contohnya, Tun Dr. Mahathir memegang jawatan sebagai Perdana Menteri, Lim Guan Eng sebagai Menteri Kewangan dan Gobind Singh Deo sebagai Menteri Telekomunikasi dan Multimedia. Jelaslah, kepelbagaian kaum seperti ini dapat merealisasikan pembinaan negara bangsa Malaysia yang bersatu.

Isu: Semangat patriotisme/perpaduan
Kata kunci: peranan rakyat/warganegara

Sebagai bangsa Malaysia yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi, apakah peranan kita untuk memperkuuh perpaduan di Malaysia?

(10 markah)

Sebagai rakyat Malaysia yang patriotik, kita hendaklah menghormati pemimpin negara. Jadi, kita seharusnya bersama-sama menyokong setiap usaha pemimpin dalam memastikan perpaduan dapat dikenalkan. Contohnya, rakyat hendaklah menyahut seruan kerajaan dalam mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir bin Mohamad. Wawasan ini menggalakkan penyertaan menyeluruh daripada rakyat di semua peringkat. Oleh itu, rakyat yang bersatu dapat menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah.

Selain itu, rakyat Malaysia hendaklah menghormati dan menghayati lambang-lambang negara. Contohnya Jalur Gemilang dan lagu Negaraku. Oleh itu, peristiwa seperti mengibarkan Jalur Gemilang secara terbalik oleh segelintir rakyat dapat dielakkan daripada berulang jika rakyat mempunyai semangat patriotisme yang tinggi. Jelaslah, rakyat yang menghormati lambang negara telah menunjukkan bahawa mereka mempunyai jati diri yang tinggi. Kekuatan jati diri akan menjadi benteng agar tidak mudah dipengaruhi anasir luar.

Di samping itu, seluruh rakyat Malaysia hendaklah melibatkan diri dalam pelbagai program kemasyarakatan. Aktiviti kemasyarakatan dapat melahirkan masyarakat yang bertoleransi dan saling menghormati. Contohnya, aktiviti gotong-royong perdana dan rumah terbuka pada musim perayaan. Jelaslah aktiviti seumpama ini dapat mengukuhkan perpaduan dan hal ini dapat menjamin keharmonian masyarakat.

Isu: Kemerdekaan/kedaulatan
Kata kunci: peranan rakyat/warganegara/pengekalan kemerdekaan

Pengisian dan pengekalan kemerdekaan merupakan tanggungjawab generasi kini. Bincangkan.

(10 markah)

Cara-cara untuk mengisi kemerdekaan yang telah diperjuangkan oleh tokoh pemimpin negara adalah dengan menjadi rakyat yang setia kepada pemimpin negara. Contohnya, menyokong dasar-dasar kerajaan seperti melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Hal ini dapat melahirkan masyarakat yang berpendidikan kerana PPPM disusun selari dengan keperluan masyarakat supaya mampu bersaing dengan rakyat negara-negara maju.

Selain itu, kita perlulah bersama-sama menjaga pertahanan negara. Contohnya menyertai pasukan keselamatan seperti polis dan tentera. Dengan cara ini, kita dapat mengekalkan kemerdekaan negara kerana jika pasukan tentera kukuh, negara kita terselamat daripada pencerobohan kuasa luar. Contohnya, ketika kuasa luar telah menceroboh Lahad Datu pada tahun 2013, pencerobohan ini dapat ditangkis oleh pasukan tentera negara kita. Hal ini kerana rakyat Malaysia berjaya mengisi kemerdekaan dengan cara

yang sewajarnya. Akhirnya, kita dapat hidup aman damai walaupun mempunyai perbezaan dari segi bangsa, agama, budaya dan warna kulit.

Seterusnya, seluruh rakyat Malaysia hendaklah bersama-sama memperkasakan ekonomi negara. Rakyat Malaysia hendaklah menyokong barang buatan Malaysia dengan cara mengutamakan pembelian barang buatan tempatan. Contohnya, produk Saji keluaran Felda dan kereta nasional seperti PROTON dan PERODUA. Oleh itu, negara dapat mengurangkan pergantungan terhadap barang import. Jelaslah, sebarang perubahan ekonomi dunia yang berlaku tidak akan menjaskan ekonomi negara.

Isu: Perpaduan

Kata kunci: Menghadapi rintangan

Perpaduan utuh rakyat Malaysia membolehkan Malaysia menghadapi pelbagai rintangan daripada pihak luar. Buktikan.

(10 markah)

Perpaduan rakyat Malaysia yang utuh dapat mengelakkan berlakunya ancaman keganasan daripada anasir luar. Negara Malaysia pernah menghadapi peristiwa pencerobohan seperti Dasar Konfrontasi Indonesia dan peristiwa pencerobohan Lahad Datu. Anggota keselamatan negara daripada pelbagai kaum telah berkorban nyawa untuk mempertahankan negara. Oleh itu, rakyat Malaysia hendaklah bersiap siaga bagi menghadapi sebarang ancaman luar yang boleh menggugat kedaulatan negara.

Selain itu, seluruh rakyat Malaysia hendaklah berganding bahu meningkatkan pembangunan ekonomi negara. Rakyat Malaysia haruslah mengutamakan produk buatan tempatan dengan menyokong kempen "Belilah Barang Buatan Malaysia" yang telah dilancarkan oleh kerajaan. Dengan sokongan ini, dapat meningkatkan kepercayaan orang luar terhadap kualiti produk yang dihasilkan oleh industri tempatan. Hal ini dapat membaiki pandangan orang luar terhadap kempen memburuk-burukkan produk tempatan. Contohnya, kempen memburukkan minyak sawit Malaysia di Eropah yang memberikan tanggapan negatif tentang pemuliharaan sistem ekologi negara. Jelaslah, sokongan rakyat dapat membantu meningkatkan pasaran produk tempatan sekali gus meningkatkan ekonomi negara.

Seterusnya, perpaduan rakyat yang utuh dapat menangkis maklumat atau informasi yang menggugat keamanan negara. Hal ini kerana maklumat yang tidak sahih ini boleh menimbulkan spekulasi dan ketegangan hubungan antara rakyat. Contohnya, terdapat segelintir rakyat yang terlibat dengan isu DAESH dan LITT telah menyebabkan kegelisahan dalam masyarakat. Oleh itu, masyarakat berbilang kaum seharusnya bersatu hati menentang segala bentuk penularan negatif yang boleh menggugat kesejahteraan rakyat.

PENCAPAIAN / KEJAYAAN / KECEMERLANGAN

Isu: Perpaduan

Kata kunci: kecemerlangan/kerjasama/tolak ansur

Kecemerlangan hasil daripada kerjasama dan tolak ansur politik antara kaum. Bincangkan.

(10 markah)

Malaysia telah mencapai kestabilan politik sejak merdeka dan kekal hingga kini. Hal ini telah dapat membentuk perpaduan kaum. Sebagai contoh semua kaum bersatu hati mengibarkan Jalur Gemilang menjelangnya ulang tahun kemerdekaan negara.

Kepimpinan cemerlang dan berwibawa penting bagi mengekalkan perpaduan kaum di negara kita. Mereka boleh menegakkan keadilan seperti tidak memihak mana-mana kaum jika berlaku kes yang melibatkan isu perkauman dan bertindak mengikut perlombagaan. Mereka juga dapat menjadi pemimpin

yang adil seperti mengagihkan kekayaan negara kepada semua rakyat jelata tidak mengira kaum dan keturunan. Mereka menjadi pemimpin yang mengamalkan nilai murni seperti amanah dan tidak terlibat dengan rasuah.

Seterusnya dapat melahirkan negarawan yang prihatin seperti Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad yang berani menyuarakan isu-isu sejagat untuk keamanan bersama. Kita dapat melahirkan anggota tentera yang sanggup menjadi pengaman di PBB demi membantu mangsa perang di negara yang sedang bergolak seperti Syria.

Mereka telah menjadi pemimpin yang prihatin terhadap rakyat seperti menjaga kebijakan rakyat terutamanya golongan B40. Selain itu juga mereka menjadi pemimpin yang rasional membuat keputusan yang tidak terikat dengan kepentingan mana-mana kaum. Mereka menjadi pemimpin yang bertolak ansur dan bijak berunding menjadikan mereka pemimpin yang berwawasan dan merendah diri demi menjaga keamanan dan keharmonian negara.

Isu: Perpaduan

Kata kunci: kecemerlangan/kerjasama/tolak ansur

Kecemerlangan negara hasil daripada kerjasama dan perpaduan kaum dari segi sosial. Bincangkan.

@

Jelaskan kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia dalam mengekalkan perpaduan kaum sejak kemerdekaan sehingga kini.

(10 markah)

Rakyat Malaysia mengamalkan prinsip Rukun Negara seperti kesopanan dan kesusilaan telah berjaya mengekalkan perpaduan kaum sehingga hari ini. Semua rakyat bersatu padu menggunakan bahasa kebangsaan yang sama iaitu Bahasa Melayu yang dapat melahirkan komunikasi berkesan antara semua kaum. Kebudayaan Kebangsaan dapat direalisasikan kerana semangat patriotisme rakyat yang sayang akan negara. Amalan demokrasi di Malaysia telah melahirkan permuafakatan politik dengan pemilihan pemimpin melalui pilihan raya yang diadakan lima tahun sekali. Oleh itu, semua rakyat telah bersatu mendokong prinsip yang sama ke arah pembinaan negara bangsa yang utuh.

Seterusnya melalui pendidikan juga, Malaysia telah berjaya mewujudkan perpaduan kaum di negara ini melalui Sistem Pelajaran Kebangsaan yang menitikberatkan kepentingan Bahasa Melayu, Islam sebagai agama rasmi dan kebebasan beragama kepada rakyat. Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek telah melahirkan warganegara yang seimbang. Kesepaduan yang menyeluruh ini telah berjaya melahirkan generasi berminda kelas pertama dan berkemahiran tinggi.

Kejayaan Malaysia di peringkat dunia hasil daripada pembinaan negara dan bangsa yang stabil telah dapat melahirkan ramai warganegara yang berilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang seperti bidang perubatan. Contohnya, Dr. Nur Amalina Che Bakri merupakan anak Malaysia telah menjadi doktor pakar bedah di United Kingdom. Kejayaan ini menjadi kebanggaan rakyat Malaysia kerana dapat melahirkan tenaga pakar sendiri yang setanding dengan kepakaran luar.

Selain itu, Malaysia juga dapat melahirkan warga yang dapat menyatupadukan rakyat dalam bidang sukan seperti sukan badminton. Dato' Lee Chong Wei telah berjaya mengharumkan nama negara di persada dunia sebagai jaguh dunia yang sukar ditandingi. Seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum bersatu hati memberikan sokongan yang padu pada setiap kejohanan yang disertainya.

Isu: Kejayaan

Kata kunci: kecemerlangan/kerjasama/tolak ansur

Kecemerlangan negara yang telah memajukan Malaysia di mata dunia. Bincangkan dari sudut ekonomi.

@

Berdasarkan pengetahuan anda, jelaskan kejayaan Malaysia di peringkat global hasil pembinaan negara dan bangsa yang stabil.

(10 markah)

Keamanan negara yang telah dicapai dengan jayanya menjadikan ekonomi negara berkembang maju. Perkembangan ini telah menjadikan Malaysia tumpuan pelabur kerana kestabilan politik. Sebagai contoh pelabur dari negara China telah banyak membuat pelaburan di negeri Pahang, Iskandar Puteri di Johor dan Bandar Malaysia di Sungai Besi. Jelaslah pelaburan dari pihak luar telah melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara.

Seterusnya ekonomi negara juga berkembang melalui sektor pelancongan. Hal ini telah menyebabkan sektor pelancongan berkembang pesat. Sebagai contoh melalui program Cuti-Cuti Malaysia telah berjaya menarik pelancong melawat Malaysia. Buktinya, hotel-hotel telah dibangunkan seperti cendawan tumbuh. Jelaslah di sini kemasukan pelancong asing telah berjaya menaikkan ekonomi negara.

Sektor ekonomi berlandaskan perubatan juga telah menjadi penyumbang kepada meningkatnya ekonomi negara. Hal ini terbukti apabila lahirnya hospital-hospital swasta di Malaysia yang telah mengalami transformasi hebat untuk menarik keyakinan warga antarabangsa untuk mendapatkan rawatan di Malaysia. Sebagai contoh rakyat dari negara Indonesia, China, India dan Vietnam datang ke Malaysia untuk mendapatkan khidmat pakar dalam hal kesuburan dan kardiologi. Jelaslah, kepakaran yang ada di Malaysia telah dapat menarik ramai pelancong kesihatan ke Malaysia.

CABARAN DAN LANGKAH

Isu: Keamanan/Keharmonian/Kemakmuran/Perpaduan/Kedaulatan

Kata kunci: Cabaran/Halangan/Masalah/Rintangan/Konflik

Jelaskan cabaran yang dihadapi oleh negara untuk mengekalkan keamanan dan kemakmuran dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

@

Apakah cabaran masa kini dalam mempertahankan pembinaan bangsa Malaysia yang utuh?

@

Apakah cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan keamanan dan keharmonian negara hari ini? Berikan penjelasan anda.

(10 markah)

Cabarannya yang dihadapi oleh negara untuk mengekalkan keamanan dan kemakmuran dalam masyarakat majmuk di Malaysia ialah sukar untuk mengekalkan perpaduan. Masyarakat Malaysia terdiri daripada berbilang kaum seperti Melayu, Cina, India, Kadazan, Dusun dan lain-lain. Mereka ini mempunyai perbezaan dari segi bahasa, budaya dan kepercayaan. Kesannya, menyebabkan berlakunya perselisihan pendapat antara satu sama lain. Akibatnya boleh membawa kepada perpecahan dalam masyarakat. Apabila masyarakat berpecah belah, ini membawa kerugian kepada negara. Negara tidak boleh berkembang maju ke hadapan kerana rakyatnya tidak bersatu padu. Jelaslah bahawa, ketiadaan semangat perpaduan menyebabkan negara sukar untuk mengekalkan kemakmuran masyarakat majmuk.

Selain itu, pengaruh media elektronik. Media elektronik memainkan peranan yang penting dalam pembentukan masyarakat yang harmoni. Namun, penyebaran berita yang negatif seperti memburuk-burukkan pemimpin negara boleh membawa kepada perpecahan dalam masyarakat. Ini juga memberi tanggapan yang buruk oleh rakyat kepada pemimpin negara. Menerusi aplikasi laman sosial

seperti Facebook, Twitter, WhatsApp, Telegram, Instagram dan lain-lain yang menyiaran berita yang tidak benar boleh membawa kepada percaduhan antara satu sama lain. Akibatnya, masyarakat akan berpecah belah dan hidup dalam keadaan tidak harmoni. Ini akan menjadikan kehidupan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Jelaslah bahawa pengaruh media elektronik memainkan peranan yang penting dalam pembentukan masyarakat majmuk.

Cabaran seterusnya ialah pengaruh anasir luar. Generasi muda hari ini mudah terpengaruh dengan budaya kuning seperti kumpulan black metal, punk, militan dan lain-lain. Hal ini kerana mereka kurang mendapat didikan agama daripada ibu bapa. Ibu bapa sibuk dengan urusan sehari-hari mereka menjadikan anak-anak mencari hiburan mereka sendiri. Dengan ini mereka mudah terjebak kepada perkara yang negatif seperti melepak kerana kurangnya pengawasan daripada ibu bapa. Anak-anak muda kini juga lebih bersifat individualistik. Mereka lebih berminat dengan gajet-gajet yang ada seperti permainan dalam telefon pintar mereka. Ini menjadikan mereka tidak bergaul dengan orang lain. Jelaslah bahawa, hal ini menyukarkan pembentukan masyarakat yang harmoni.

Cabaran / Masalah / Halangan/ Rintangan mengekalkan perpaduan / keamanan dan kemakmuran / kedaulatan negara Malaysia.

(10 Markah)

Cabaran Politik

Cabaran paling utama bagi sebuah negara yang terdiri pelbagai kaum adalah masalah perpaduan. Setiap kaum di Malaysia mempunyai perbezaan bahasa, budaya dan kepercayaan. Ini ditambah pula parti politik di Malaysia berdasarkan kaum seperti UMNO, MCA dan MIC. Keadaan ini menceminkan mereka mempunyai padangan kedunian yang berbeza. Cabaran perbezaan parti politik turut menjadikan hubungan antara kaum kerana terdapat parti politik yang memainkan isu-isu sensitif yang menyentuh pekara-pekara yang boleh menjadikan perpaduan kaum.

Cabaran seterusnya faktor sejarah iaitu pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia hasil penjajahan British. Masyarakat Malaysia dipisahkan dari segi tempat tinggal, pekerjaan dan juga pendidikan. Keadaan ini menyukarkan lagi proses perpaduan kaum. Masyarakat majmuk yang wujud seolah-olah mereka tidak pernah merasakan kehadiran kaum lain. Keadaan inilah yang membawa kepada wujudnya parti politik berdasarkan bangsa masing-masing bagi membela kepentingan mereka. Keadaan ini pastinya tidak baik dalam menyuburkan perpaduan di negara kita yang terdiri pelbagai kaum.

Cabaran berikutnya ialah masyarakat Malaysia mudah terpengaruh dengan politik unsur luar yang tidak sesuai dengan budaya dan masyarakat Malaysia. Keadaan politik luar turut memberi kesan kepada keadaan politik Malaysia seperti isu IS, Daesh serta LTTE. Penangkapan pihak yang terlibat dengan isu di Malaysia sering dipolitikkan oleh sesetengah pihak yang sering dikaitkan sebagai isu perkauman. Ini pasti merumitkan lagi keadaan masalah kaum di negara kita.

Cabaran Ekonomi

Cabaran paling utama dari sudut ekonomi adalah bagi memastikan pengagihan ekonomi secara adil di kalangan kaum. Ekonomi diwarisi daripada penjajah membawa kesan buruk kepada perpaduan di negara kita. Wujudnya dwiekonomi iaitu ekonomi tradisional dan ekonomi dagangan seterusnya memisahkan masyarakat Malaysia dari aspek tempat tinggal serta ekonomi. Keadaan ini pastinya mampu mencetuskan perasaan tidak puas hati antara kaum. Jurang perbezaan dari segi ekonomi menjadi masalah untuk merapatkan jurang demi menjamin kerjasama kaum. Keadaan ini juga menjadi isu perdebatan serta menyukarkan kerajaan untuk mengatasinya.

Cabaran seterusnya ialah negara kita merupakan sebuah Negara Dunia Ketiga yang sering dikaitkan dengan kekurangan modal, teknologi dan tenaga mahir. Keadaan ini menjadi bertambah rumit kerana kadar penguasaan teknologi dan kemahiran juga berbeza mengikut kaum. Ini turut menyukarkan kerana berlaku perasaan tidak puas hati antara mereka.

Selain itu, penduduk Malaysia yang masih kecil bilangannya menyebabkan pasaran turut terhad. Kedan ini dirumitkan lagi dengan sikap penduduk Malaysia yang gemar membeli barang buatan negara luar yang dianggap lebih berkualiti serta murah harganya. Cabaran berikutnya ialah masalah kekurangan modal. Negara kita masih bergantung kepada modal luar menerusi pelaburan asing. Kadar upah buruh yang tinggi serta harga tanah yang mahal di Malaysia menyebabkan pelabur asing lebih berminat melabur di negara ASEAN yang lain seperti Vietnam dan Kemboja kerana kadar upahnya yang lebih murah.

Masalah ketidakstabilan mata wang Malaysia di pasaran dunia turut menjelaskan ekonomi negara seterusnya menjelaskan politik negara. Berlaku spekulasi terhadap Ringgit Malaysia yang menjelaskan kestabilan ringgit di pasaran. Ini menyebabkan kadar hutang Malaysia meningkat. Keadaan ini turut menjelaskan politik negara. Keadaan ekonomi yang tidak menentu akan membawa kebimbangan rakyat seterusnya akan mempertikaikan pemerintahan kerajaan. Keadaan ini membawa keadaan yang lebih buruk imej negara. Sudah tentulah, keadaan ini pasti memburukkan lagi ekonomi dan politik negara.

Cabaran Sosial

Sistem pendidikan yang dilaksanakan di Malaysia masih menampakkan ciri pendidikan Zaman Kolonial. Terdapat sistem pendidikan yang menggunakan bahasa ibunda di peringkat sekolah rendah iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Keadaan ini pastinya melambatkan lagi proses perpaduan antara masyarakat Malaysia. Sepatutnya perpaduan perlu dipupuk sejak usia muda lagi agar perpaduan mudah dibentuk. Keadaan ini menyebabkan mereka sukar mengenali budaya dan agama kaum lain. Penggunaan bahasa kebangsaan pastinya akan terbatas bagi pelajar di sekolah tersebut.

Kemajuan negara bukan diukur daripada sudut ekonomi sahaja tetapi keharmonian kaum dan agama perlu dipelihara. Sekiranya masalah ini tidak diberi perhatian negara akan menjadi mundur dan ketinggalan. Antara cabaran bagi masyarakat berbilang kaum adalah wujudnya ekstremisme yang boleh menjelaskan keharmonian antara kaum. Sesetengah pihak sering mengeluarkan kenyataan berbentuk provokatif yang mampu membawa kepada konflik dan ketegangan serius yang boleh menjelaskan keamanan, keharmonian dan perpaduan kaum.

Cabaran seterusnya ialah kemajuan dalam bidang siber menyebabkan konflik antara kaum turut menjadi tular. Berikutan penggunaan media sosial yang begitu terbuka, ada pihak menggunakan kesempatan mencetuskan api perkauman. Isu perkauman ini seperti bom jangka yang mampu menjelaskan keharmonian rakyat. Keadaan ini menyebabkan segala isu tidak kira benar atau tidak sahih akan tular menerusi laman Facebook, Twiter dan Instagram. Keadaan ini pasti akan menambahkan konflik antara kaum seperti peristiwa rusuhan Kuil Sri Maha Mariamman di Seafield, Subang Jaya. Peristiwa tersebut telah mencetuskan konflik perkauman antara orang Melayu dan orang India dan mencetuskan situasi yang kurang baik untuk negara.

Pemberian kerakyatan yang diberikan kepada warga asing merupakan satu cabaran kepada negara. Berikan penjelasan anda.

(10 markah)

Pemberian kerakyatan yang diberikan kepada warga asing sememangnya merupakan satu cabaran besar kepada negara terutama kepada penduduk tempatan. Hal ini kerana akan menggugat keselamatan negara. Jumlah mereka yang ramai akan menyebabkan tahap keselamatan penduduk tempatan akan terjejas disebabkan kebanyakannya mereka tidak mudah untuk mematuhi peraturan dan undang-undang di negara kita. Keadaan inilah yang menyebabkan kes jenayah di negara kita seperti rompakan, pembunuhan dan pergaduhan serta penyeludupan dadah akan meningkat. Jelaslah bahawa situasi ini juga pasti akan menyebabkan keharmonian sosial di negara kita akan terjejas.

Selain itu, pola atau corak petempatan di negara kita juga akan berubah. Dalam hal ini, kos hidup di negara kita yang semakin meningkat akan menyebabkan mereka mewujudkan kawasan atau petempatan haram berdekatan dengan kawasan pekerjaan harian mereka. Contohnya, isu lambakan kampung atau penempatan haram di negeri Selangor akibat kemasukan tenaga kerja dari luar bagi menampung

keperluan pekerja khususnya dalam bidang perkilangan dan pembinaan. Jelaslah bahawa situasi ini pasti akan mencacatkan pandangan fizikal negara kita di mata pelancong dari negara luar.

Dalam masa yang sama, perkahwinan campur juga akan berleluasa. Hal ini kerana penduduk tempatan pasti akan berkahwin dengan warga asing di negara kita. Situasi sedemikian tidak dapat dielakkan kerana tuntutan kewangan dan faktor pekerjaan yang sama. Sebagai contoh, berlakunya peningkatan angka perkahwinan antara masyarakat tempatan negara kita dengan warga asing yang bekerja di kilang. Jelaslah bahawa situasi ini mungkin akan menyumbang kepada peningkatan jumlah penduduk yang tinggi selain masalah perceraian.

Isu: Patriotisme

Kata kunci: Cabaran/Halangan/Masalah/Rintangan/Konflik

Apakah cabaran dan langkah dalam memupuk semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia?

Antara cabaran dalam mewujudkan bangsa Malaysia ialah latar belakang dan budaya hidup yang berbeza. Keadaan ini juga kerana pemikiran yang berlainan antara penduduk menyukarkan proses pembinaan bangsa Malaysia. Sebagai contoh, sesetengah individu tidak mempunyai jati diri yang tinggi dan mengamalkan budaya luar seperti K-Pop dan budaya hedonisme. Mereka juga telah memburukkan nama Malaysia di mata dunia dengan tingkah laku yang tidak bermoral. Jelaslah mereka tidak ada perasaan cinta akan negara sendiri.

Terdapat juga golongan yang begitu taksub kepada negara barat. Hal ini kerana mereka begitu menyanjungi negara barat. Sebagai contohnya mereka lebih mengutamakan barang negara barat berbanding dengan barang buatan tempatan. Jelaslah mereka tidak mempunyai jiwa patriotik dalam diri.

Antara langkah yang boleh dilakukan ialah melalui kempen cinta akan negara Malaysia. Hal ini bertepatan dengan dasar yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad melalui program "Sayangi Malaysiaku" dan "Malaysia Bersih". Jelaslah, rakyat Malaysia perlu meningkatkan jiwa patriotisme yang lebih tinggi terhadap negara.

Ibu bapa juga boleh menerapkan nilai-nilai sejarah dalam kehidupan seharian. Remaja Malaysia perlu ditanamkan rasa cinta kepada negara. Sebagai contoh, jati diri setiap pelajar perlu diperkuatkan melalui aktiviti kurikulum di sekolah seperti menghayati malam kemerdekaan sempena sambutan ambang merdeka sewaktu mereka melakukan aktiviti perkhidmatan perdana di peringkat sekolah. Jelaslah nilai-nilai murni sangat perlu bagi remaja Malaysia agar menjadi warganegara yang patriotik.

Pendidikan juga berperanan dalam mewujudkan satu bangsa Malaysia. Hal ini perlu bagi Kementerian Pendidikan menghidupkan kembali mata pelajaran Sivik dan memperkasakan mata pelajaran Sejarah. Jelaslah, melalui pemerkasaan kedua-dua mata pelajaran ini dapat memberikan peluang kepada remaja untuk mengambil iktibar dari sesuatu peristiwa yang dipelajari.

Isu: Keamanan/Keharmonian/Kemakmuran/Perpaduan

Kata kunci: Langkah/Usaha/Cara/Cadangan/Saranan/Peranan

Jelaskan langkah-langkah untuk mengekalkan perpaduan kaum.

@

Jelaskan usaha-usaha untuk memperkuatkan perpaduan kaum demi kemakmuran negara Malaysia.
(10 markah)

Antara langkah untuk mengatasi cabaran di atas ialah melaksanakan dasar sukan untuk perpaduan. Melalui sukan ini, masyarakat akan bersatu padu dan bekerjasama semasa menjalankan aktiviti sukan. Contohnya dengan mengadakan SUKMA dan sukan rakyat seperti acara tarik tali. Acara ini boleh disertai

oleh pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India dan sebagainya. Mereka akan bersatu hati untuk mencipta kemenangan kumpulan mereka. Bukan sahaja dapat meraih kemenangan tetapi dapat membina hubungan yang erat dalam kalangan mereka yang pelbagai kaum. Jelaslah bahawa, melalui sukan dapat memupuk perpaduan dan mengekalkan keamanan.

Selain itu, dengan pengamalan Prinsip Rukun Negara. Hal ini dapat membentuk keperibadian rakyat negara ini sebagai bangsa Malaysia yang bersatu padu. Contohnya Prinsip Rukun Negara yang kedua iaitu kesetiaan kepada raja dan negara. Raja merupakan tonggak kedaulatan negara. Semua rakyat Malaysia tidak kira bangsa dan agama akan menghormati raja sebagai ketua negara. Hal ini akan menjadikan negara aman dan makmur. Jelaslah bahawa, dengan mengamalkan perkara yang sama dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni.

Seterusnya, dengan meningkatkan ilmu pengetahuan. Hal ini kerana ilmu pengetahuan sangat penting dalam hidup. Dengan ilmu kita dapat membezakan antara hak dan batil. Contohnya, jika kita menerima sesuatu khabar yang mengatakan bahawa individu tersebut menerima rasuah daripada seseorang, kita hendaklah menyiasat terlebih dahulu sama ada berita ini benar atau tidak. Jika tidak benar, perkara ini adalah satu fitnah dan ini boleh menimbulkan pergaduhan. Keadaan ini akan membawa kepada perpecahan dalam masyarakat. Jelaslah bahawa, ilmu pengetahuan sangat penting bagi menegakkan kebenaran.

Langkah-langkah mengatasi masalah perpaduan kaum di negara kita bagi memastikan kemajuan dan kemakmuran negara Malaysia.

(10 Markah)

Langkah Politik

Sebagai Badan Pelaksana, kerajaan perlu membuat dasar yang mampu memberi keadilan kepada semua kaum serta tidak lari daripada asas utama iaitu keistimewaan kepada orang Melayu dan Bumiputera. Kerajaan yang dibentuk seharusnya memperlihatkan keadilan dari segi pengagihan jawatan mengikut kaum. Pentadbiran yang cekap serta adil mampu mengelakkan perasaan tidak puas hati rakyat seterusnya membawa keadaan negara yang huru-hara. Kerajaan berperanan penting dalam memupuk perpaduan di negara kita menerusi program yang terancang seperti Sambutan Rumah Terbuka bagi setiap perayaan kaum terbesar di Malaysia.

Parti pembangkang juga seharusnya menjadi pembangkang yang produktif yang lebih memberi fokus kepada kepentingan rakyat secara umum bukan menjadi wira kepada bangsa sendiri sehingga memainkan isu-isu perkauman yang hanya membawa keburukan kepada negara. Seluruh rakyat Malaysia sepatutnya memberi fokus memajukan negara agar kemewahan negara dapat dinikmati bersama.

Sebagai rakyat yang bijak, pemilihan pemimpin yang dilakukan melalui pilihan raya sepatutnya memberi fokus kepada kewibawaan sesuatu calon bukan bangsanya. Masyarakat perlu matang membuat pilihan serta tidak terikut-ikut dengan elemen perkauman yang hanya membawa kepada perasaan kebencian. Keadaan ini pasti akan memberi kesan negatif kepada perpaduan kaum di negara kita. Jelaslah peranan semua pihak amat penting bagi memastikan perpaduan subur di negara Malaysia. Keadaan ini mampu menghilangkan perasaan prasangka serta curiga. Negara Malaysia milik kita semua maka menjadi tanggungjawab kita bersama untuk mengekalkan keamanan dan kemakmurannya.

Langkah Ekonomi

Kemajuan secara mampan, pengagihan ekonomi yang adil dan inklusif di setiap rangkaian nilai, kelas, kaum dan geografi perlu diwujudkan. Ekonomi yang adil dan saksama menjadikan rakyat akan mampu bersatu padu tanpa prangsangka dengan meraikan kepelbagaiannya. Sekiranya terdapat masalah pengagihankekayaan negara yang hanya tertumpu kepada kaum tertentu pasti akan membawa kepada pebalahan kaum .Pada masa kini fokus paling utama kerajaan adalah merapatkan jurang kemajuan dari sudut geografi terutama beberapa negeri yang selama ini tertinggal sejak zaman penjajahan. Belanjawan Tahun 2020 ternyata menunjukkan fokus kerajaan dalam memberi peruntukan yang lebih besar kepada

pembangunan Sabah dan Sarawak bagi mengurangkan jurang kemajuan serta perasaan tidak senang dengan kerajaan persekutuan.

Seterusnya, memastikan pembangunan antara bandar dan luar bandar dan kawasan-kawasan di negeri-negeri di Malaysia dinikmati secara adil dan seimbang. Peruntukan yang lebih banyak diberikan kepada negeri-negeri seperti Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak agar tidak tertinggal dalam arus pembangunan. Hal ini penting kerana majoriti penduduk di negeri tersebut adalah Melayu dan Bumiputera yang selama ini hak keistimewaan mereka termaktub dalam perlembagaan. Ini akan membawa kepada masalah perkauman yang tidak sihat apabila terdapat pihak tertentu mengambil kesempatan dengan isu tersebut.

Ternyata pengagihan ekonomi secara adil adalah penting. Fokus kerajaan pada masa kini ialah memberi keutamaan kepada golongan B40 tanpa mengira kaum. Golongan ini perlu dibantu agar mampu bersaing secara adil serta tidak lagi berlaku pengenalan kaum mengikut kegiatan ekonominya seterusnya keamanan negara terpelihara.

Langkah Sosial

Langkah untuk mengurangkan perasaan perkauman adalah dengan anak diajar dan dibiasakan dengan kelpelbagaian kaum dan budaya dalam silibus pembelajaran. Menerusi mata pelajaran merentasi kurikulum sepatutnya dapat menghilangkan perasaan prasangka . Mereka lebih mengenal dan memahami sensitiviti kaum lain. Menerusi kegiatan kokurikulum di sekolah turut dapat merapatkan lagi hubungan antara kaum terutamanya menerusi persatuan dan aktiviti sukan. Kerajaan juga perlu mewujudkan sekolah yang hanya menggunakan bahasa Melayu agar dapat memperkuuhkan perpaduan serta mampu memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Langkah seterusnya adalah dengan mendidik masyarakat agar tidak mudah terpengaruh dengan sentimen dan permainan segenlitir pihak untuk menggugat keharmonian dan perpaduan kaum. Kesedaran dapat diwujudkan menerusi pendidikan agar semua pihak tidak menjadikan isu kaum dan agama untuk kepentingan sendiri. Masyarakat perlu peka terhadap isu yang menyentuh sensitiviti kaum dan agama. Masyarakat Malaysia perlu sedar bahawa tindakan membangkitkan isu-isu perkauman akan memberi kesan buruk kepada ekonomi negara dan seterusnya mengancam keamanan negara.

Ruang perlu disediakan kepada rakyat untuk berinteraksi secara sihat dan mengemukakan pandangan demi menyumbang ke arah perpaduan dan pembangunan negara. Hal ini dapat mengurangkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat. Saluran yang diberi mampu mengurangkan tindakan yang berbentuk keganasan seperti tunjuk perasaan serta penggunaan media sosial bagi menyatakan perasaan tidak puas hati. Contohnya sebelum pembentangan Belanjawan Tahun 2020, kerajaan meminta rakyat Malaysia memberikan cadangan agar kerajaan dapat mempertimbangkannya. Pihak media arus perdana dan media sosial perlu diingatkan agar tidak memberi publisiti kepada kumpulan pelampau yang boleh memecah-belahkan kepercayaan antara kaum.

Masyarakat Malaysia sepatutnya melihat kepelbagaian itu sebagai kekuatan kita bukannya kelemahan. Kita seharusnya meraikan perbezaan tetapi pada masa yang sama mencari titik persamaan. Kita mampu hidup harmoni jika semua kaum sedar pentingnya mempertahankan keamanan yang sedia dengan mengamalkan sikap bertolak ansur antara kaum.

IKTIBAR / NILAI MURNI / UNSUR PATRIOTISME

Iktibar berdasarkan tajuk kajian - perpaduan.

(10 markah)

Perpaduan amat penting bagi sebuah negara untuk membentuk sebuah negara yang maju dan pesat membangun. Keamanan juga dapat dikekalkan apabila semangat perpaduan diamalkan di Malaysia.

Iktibar yang saya peroleh daripada tajuk ini ialah kita sebagai rakyat Malaysia perlu berusaha mengekalkan kedaulatan. Rahsia pengekalan kedaulatan ialah mengamalkan sikap bertolak ansur. Hal ini adalah kerana sikap ini mampu merintis jalan dalam menyelesaikan setiap masalah yang timbul dengan mudah. Maka salah faham antara pihak-pihak yang terlibat dapat dielakkan. (**Bab 5**)

Selain itu, kita harus menghargai jasa baik pemimpin terdahulu untuk mengekalkan kedaulatan. Sepertimana yang kita ketahui syarat utama yang ditetapkan oleh pihak British dalam pemberian kemerdekaan ialah perpaduan kaum. Walaupun sukar dilakukan, namun berkat usaha para pemimpin telah berjaya direalisasikan. (**Bab 5**)

Kita bakal pemimpin negara perlu memainkan peranan penting dalam memantapkan perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum. Kita haruslah menunjukkan contoh yang baik dalam mendapatkan jawatan dalam kerajaan. Contohnya mengamalkan konsep berlandaskan Islam iaitu musyawarah dalam melantik seseorang pemimpin. Maka konsep ini akan menjadi ikutan rakyat. (**Bab 5 & 6**)

Seterusnya, kita perlu melengkapkan diri dengan perkembangan isu-isu semasa. Contohnya penularan anasir-anasir luar yang boleh menggugat keharmonian negara. Hal ini membolehkan rakyat menjadi lebih berwaspada supaya tidak mudah terpengaruh dengan unsur-unsur luar. (**Bab 5 & 6**)

Pemimpin negara perlu lebih berdampingan dengan rakyat untuk memahami aspirasi rakyat dan seterusnya memenuhi keperluan mereka. Maka kesetiaan mereka terhadap pemimpin bertambah mantap. Hal ini membantu pemimpin menjayakan segala program pembangunan negara demi kemakmuran hidup rakyat. (**Bab 5 & 6**)

Setiap anggota masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum haruslah mempunyai pemahaman yang mendalam tentang kebudayaan kaum masing-masing. Pemahaman yang mendalam membantu mewujudkan perasaan saling menghormati dan mengelakkan berlakunya perbalahan antara kaum. Ini sesungguhnya menjadi benteng pertahanan pengekalan kedaulatan. Hal ini kerana pihak luar sentiasa mengambil kesempatan untuk menggugat kadaulatan negara jika berlaku konflik antara kaum. (**Bab 5 & 6**)

Perpaduan antara wilayah wajar dimantapkan demi kemakmuran negara. Semenanjung Malaysia memiliki tenaga kepakaran dalam pelbagai bidang seperti kejuruteraan manakala Malaysia Timur pula mempunyai bahan mentah seperti petroleum. Gabungan kedua-dua aspek memberi manfaat kepada kedua-dua wilayah untuk memantapkan lagi ekonomi negara. (**Bab 6**)

Selain itu, setiap warganegara Malaysia perlu memahami intipati Perlembagaan Negara. Pemahaman yang mendalam akan menjarakkan mereka daripada melakukan perkara-perkara yang menggugat perpaduan kaum. Contohnya, tidak membangkitkan isu-isu sensitif yang boleh mencetuskan perbalahan antara kaum. (**Bab 6**)

Di samping itu, setiap warganegara seharusnya menghayati segala prinsip Rukun Negara. Hal ini kerana Rukun Negara menjadi pedoman dalam aspek perpaduan kaum. Kepercayaan Kepada Tuhan mewajarkan rakyat beragama mudah diurus dan lebih mudah didisiplinkan dalam melahirkan insan yang berkualiti. (**Bab 5 & 6**)

Kita sebagai rakyat yang bertanggungjawab perlu bijak dalam membentuk kerajaan yang berwibawa. Kerajaan berwibawa memerintah negara dengan lebih berkesan. Contohnya, sentiasa berusaha mengagihkan kekayaan negara secara adil kepada semua kaum yang menjadi unsur penting dalam

pemantapan perpaduan. Sesungguhnya, memberi kepuasan kepada rakyat yang terus menyokong kerajaan. Sokongan rakyat yang menjadi unsur penting dalam pengekalan kestabilan politik dan seterusnya memantapkan perpaduan. (**Bab 5 & 6**)

Pembentukan Malaysia bukan sahaja melibatkan kerjasama serantau tetapi juga kerjasama antarabangsa. Sebagai contoh, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu turut membantu dalam membuat pungutan suara untuk memastikan hak asasi rakyat Sabah dan Sarawak tidak dicabuli. (**Bab 6**)

Iktibar mengukuhkan perpaduan.

@

Iktibar memelihara kedaulatan negara/keselamatan negara.

(10 markah)

Kita hendaklah menghindari anasir negatif dari luar daripada menyusup masuk ke dalam negara, contohnya pengaruh ISIS, DAEISH dan LTTE. Seterusnya, kita hendaklah memperkuuhkan kawalan sempadan negara untuk mengelakkan pencerobohan oleh orang asing, contohnya kewujudan ESSCOM di Sabah. Kita juga perlu menyambut Hari Pahlawan agar kita menghargai jasa anggota angkatan bersenjata mengekalkan keselamatan negara. Kerajaan juga hendaklah memperbaharui aset-aset pertahanan negara dengan membeli senjata-senjata moden yang canggih, contohnya pesawat pejuang F-35. Selain itu, kita hendaklah mengekalkan hubungan baik dengan negara-negara serantau agar kerjasama pertahanan boleh diwujudkan. Prinsip-prinsip Rukun Negara pula hendaklah diamalkan demi melahirkan rakyat yang setia kepada negara.

Tambahan pula, kita perlu memperkasakan unsur jati diri dalam sistem pendidikan negara agar generasi muda sedar betapa pentingnya Malaysia kekal berdaulat. Kita juga perlu merangka program yang boleh melahirkan pemimpin yang mengekalkan kedaulatan negara, contohnya *Malaysia Future Leaders School*. Rakyat Malaysia juga perlu menyokong kempen-kempen keselamatan yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa di Malaysia seperti kempen antikeganasan. Kita juga hendaklah meningkatkan elauan dan memelihara kebijakan anggota-anggota keselamatan agar mereka lebih komited menjaga keselamatan negara. Akhir sekali, kita hendaklah memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia untuk mengelakkan rusuhan antara kaum dan perang saudara.

Iktibar meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia.

(10 markah)

Kita hendaklah bersama-sama menyambut Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia setiap tahun demi menghargai kedaulatan yang dikehendaki. Rakyat Malaysia juga hendaklah menghormati lambang-lambang negara seperti Jalur Gemilang dan Jata Negara. Lagu Negaraku juga perlu dinyanyikan dengan penuh bersemangat agar timbul rasa bangga terhadap kedaulatan negara. Perjuangan pemimpin-pemimpin membebaskan negara daripada cengkaman penjajah juga hendaklah ditekankan di sekolah-sekolah agar jasa mereka dijadikan teladan. Pengorbanan perajurit negara juga hendaklah diketengahkan melalui media cetak dan digital, contohnya filem *Bukit Kepong* dan *PASKAL*.

Tambahan pula, kita hendaklah mempromosikan dan mengunjungi tempat-tempat bersejarah di negara kita, contohnya bangunan Sultan Abdul Samad. Kita juga perlu merangka program yang boleh melahirkan pemimpin yang mengekalkan kedaulatan negara, contohnya *Malaysia Future Leaders School*. Kita juga perlu menyambut Hari Pahlawan agar kita menghargai jasa anggota angkatan bersenjata mengekalkan keselamatan negara. Prinsip-prinsip Rukun Negara pula hendaklah diamalkan demi melahirkan rakyat yang setia kepada negara. Akhir sekali, rakyat Malaysia juga hendaklah membeli barang buatan Malaysia agar ekonomi negara meningkat.

RUMUSAN / KESIMPULAN

Buat rumusan tentang pelaksanaan pakatan murni.

Pengetahuan

Pengetahuan yang saya peroleh ialah membina sebuah negara dan bangsa yang merdeka dan berdaulat bukanlah suatu perkara yang mudah. Langkah para pemimpin Persekutuan Tanah Melayu yang memilih musyawarah sebagai pendekatan mengatasi segala kemelut politik negara dan bangsa merupakan langkah yang bijak dan amat berkesan

Nilai /unsur patriotism

Nilai yang boleh didapati ialah pembinaan sebuah negara dan bangsa yang merdeka melibatkan rundingan dan kerjasama. Selain itu, unsur patriotism ialah bertolak ansur dan berdiplomasi berjaya menyatupadukan penduduk Tanah Melayu yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Harapan

Harapan saya ialah kebijaksaan pemerintah kebijaksanaan pemerintah pada hari ini amat penting untuk mengisi kemerdekaan yang telah dicapai oleh pemimpin sebelumnya. Generasi hari ini perlu bersatupadu dan berusaha gigih untuk mengekalkan kemajuan Malaysia di peringkat antarabangsa.

Rumuskan tentang pentingnya perpaduan dalam aspek pengetahuan yang diperoleh, nilai patriotism kepada diri, bangsa dan negara serta harapan untuk masa depan Malaysia yang gemilang.

Pengetahuan

Antara pengetahuan yang diperoleh ialah pentingnya perpaduan bagi menjamin kemakmuran dan kemajuan negara. Kita juga dapat mengetahui proses ke arah pembentukan pakatan murni sebelum kemerdekaan.

Nilai Murni

Generasi hari ini perlu menghargai usaha pemimpin terdahulu dalam menyatupadukan penduduk berbilang kaum di negara kita melalui konsep musyawarah. Semua kaum di Malaysia perlu berusaha mengekalkan perpaduan demi mengekalkan keamanan negara.

Pemimpin negara masa kini harus juga berusaha lebih gigih dalam mengukuhkan perpaduan agar rakyat dapat menikmati kehidupan yang lebih sempurna.

Unsur Patriotisme

Unsur patriotism yang diperoleh ialah pemimpin serta rakyat perlu mempertahankan dan mengukuhkan kedaulatan negara. Selain itu, rakyat perlu meningkatkan perpaduan dan keharmonian hidup pelbagai bangsa di negara kita.

Harapan

Saya berharap perpaduan dalam kalangan masyarakat dapat disuburkan lagi bagi memastikan Malaysia mampu menjadi sebuah negara maju menjelang 2020. Selain itu, diharapkan semangat perpaduan yang sedia ada tidak diganggu gugat dengan isu-isu sensitif yang boleh menjaskan keharmonian dan kemajuan negara.

Buat rumusan tentang pembentukan Malaysia.

Pengetahuan

Pengetahuan yang saya peroleh ialah pada peringkat awal pembentukan Malaysia merupakan suatu usaha yang agak sukar terutamanya melihat reaksi penentangan dari dalam negeri dan negara luar.

Akhirnya usaha-usaha pemimpin negara kita melalui saluran diplomasi berjaya menyelesaikan segala rintangan dalam penubuhan Malaysia.

Nilai Murni

Nilai-nilai murni yang diperoleh ialah kerjasama dan tolak ansur antara kaum dalam pembentukan Malaysia telah mewujudkan asas kepada negara kita untuk terus maju pada masa hadapan.

Kita juga diperlihatkan tentang ciri-ciri kepimpinan tokoh-tokoh tempatan sama ada di Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak.

Unsur Patriotisme

Unsur patriotisme yang diperoleh ialah rakyat hendaklah sentiasa menyokong pemimpin-pemimpin negara yang berani bertindak berlandaskan kebenaran.

Selain itu, rakyat harus terus mengamalkan semangat toleransi dan muafakat untuk meningkatkan rasa persefahaman antara satu sama lain.

Harapan

Harapan saya agar pemimpin negara kita terus memperkuuhkan perpaduan agar dapat meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan hidup rakyat.

Harapan saya yang seterusnya ialah negara kita akan menjadi teguh sekiranya rakyat bersatu dan berkerjasama demi masa depan negara.

Buat rumusan tentang pembentukan Malaysia.

Pengetahuan

Pengetahuan yang diperoleh ialah pembinaan negara dan bangsa Malaysia adalah hasil daripada kebijaksanaan pemimpin kita dan dibentuk melalui penggunaan satu bahasa kebangsaan, pengamalan kebudayaan kebangsaan serta prinsip Rukun Negara.

Nilai Murni

Menjadi tanggungjawab kepada kita sebagai warganegara yang sayang akan negara untuk memelihara kedaulatan negara dan berusaha menjadi pemimpin yang berwibawa dan berpengetahuan tinggi pada masa hadapan.

Unsur Patriotisme

Unsur patriotisme yang diperoleh ialah kesetiaan dan bertolak ansur perlu untuk mengukuhkan pembentukan identiti negara dan bangsa Malaysia.

Seterusnya hubungan baik antara pemimpin dengan rakyat dalam mewujudkan pemerintahan negara yang cemerlang.

Harapan

Harapan untuk masa depan Malaysia yang lebih cemerlang adalah dengan melahirkan warganegara bersemangat nasionalisme yang tinggi demi memperkuuh kedaulatan negara.

Saya juga berharap agar rakyat Malaysia dapat bekerjasama dan berganding bahu untuk meningkatkan kemajuan ke arah mencapai negara maju.



**PROGRAM PLC SEJARAH
BENGKEL BINA MODUL INTERVENSI KERTAS 3 SEJARAH SPM
BERSAMA-SAMA JUD SEJARAH DAERAH GOMBAK 2019**



PENASIHAT:
PN. RAMLAH BINTI RAMLE
PENOLONG PPD BAHASA INGGERIS (MENENGAH)
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH GOMBAK

JURULATIH UTAMA DAN GURU SUMBER SEJARAH DAERAH GOMBAK:

1	PN. YUSNIZAN BINTI YUNAN	JUD	SMK LEMBAH KERAMAT
2	EN. MOHD YUSWIRA BIN MD YUSOFF	JUD	SMK TUANKU ABDUL RAHMAN
3	PN. MAJIDAH BINTI OMAR	JUD	SMK HULU KELANG
4	PN. ZALINAH BINTI ABDUL AZIZ	JUD	SMK BANDAR TASIK PUTERI
5	PN. ROSIDA BINTI MOHAMED ZAIN	JUD	SMK SERI KUNDANG
6	PN. ROSMANI BINTI MAT YAACOB	JUD	SMK SUNGAI PUSU
7	EN. NOOR SABRI BIN MOHD NOR	JUD	SMK BANDAR BARU SUNGAI BULOH
8	PN. SHARIFAH MAIZATUL ASNO BINTI TUAN KECHIK	JUD	SMK TAMAN MELAWATI
9	PN. ZURINA BINTI SHAIR	JUD	SMK RAWANG

GURU SEJARAH DAERAH GOMBAK:

1	PN. JAMALIAH BINTI ABIDIN	SMK SELAYANG BHARU
2	EN. MOHAMAD KHAIRUL HISAM BIN MAT HUSSIN	SMK DARUL EHSAN
3	PN. SAKINAH BINTI TALIB	SMK SUNGAI KERTAS
4	PN. RAHIMAH BINTI MOHD KHALID	SMK BUKIT GADING
5	PN. SURYATI BINTI SATIMAN	SMK TAMAN EHSAN
6	EN. M. RAVI A/L S. MUNUSAMY	SMK RAWANG
7	EN. HILMI FAIZ BIN MUSTAFA KAMAL	SMK HILLCREST
8	PN. NORMALAH BINTI DERAMAN	SMK BANDAR BARU SUNGAI BULOH